# RANCANGAN KEMAJUAN TANAH IJOK

## (SATU KAJIAN MENGENAI SOSIO-EKONOMI)

Oleh:

SARIAH @ SERIAH ARSHAD

University of Malaya

LATIHAN ILMIAH UNTUK MEMENUHI SYARAT-
SYARAT BAGI MENDAPAT IJAZAH SARJANA MUDA
SASTERA BAGI TAHUN 1973/74

DARI JABATAN ANTROPOLOJI SOSIOLOJI,
UNIVERSITI MALAYA,
KUALA LUMPUR.

P E N G H A R G A A N

Kajian ini telah dijalankan di bawah pengawasan Dr. Syed Husin Ali. Atas teguran dan nasihat-nasihat beliau saya ucapkan setinggi-tinggi terimakasih.

Ucapan terimakasih juga saya ucapkan kepada Pengurus Rancangan Encik Yahya Din dan Penolong Pengurus, Encik Zainal Abidin Yeop yang telah memberi banyak pertolongan dan kemudahan-kemudahan untuk mendapatkan maklumat. Kepada pegawai-pegawai lain yang telah memberi kerjasama dan pertolongan semasa menjalankan kajian ini, ribuan terimakasih saya ucapkan.

Ribuan terimakasih juga diucapkan kepada penduduk-penduduk Rancangan Kemajuan Tanah Ijok, terutamanya kepada 93 ketua rumah yang ditemui, atas kerjasama yang telah diberikan. Tanpa kerjasama dari mereka kajian ini tidak dapat dijalankan. Ucapan terimakasih juga saya sampaikan kepada dua orang rakan saya, Ramlah Abdul Rahman dan Maznah Rashid yang telah bekerjasama dengan saya yang secara kebetulan mereka juga menjalankan kajian di tempat yang sama.

Akhirnya saya juga terhutang budi kepada Encik Yahya Din yang telah menerima saya untuk tinggal bersama di rumahnya sepanjang masa kajian dijalankan.

Sariah Arshad.

Universiti Malaya,
Kuala Lumpur,
1973.



University of Malaya

K A N D U N G A N

| | Muka Surat |
|---|---|
| PENGHARGAAN ........................................ | i |
| KANDUNGAN .......................................... | ii |
| SENARAI JADUAL ..................................... | V |
| SENARAI PETA ....................................... | Vl |
| PENDAHULUAN | |
| A. Tujuan dan Bidang Kajian ........................ | 1 |
| B. Kepentingan Kajian .............................. | 2 |
| C. Cara Membuat Kajian ............................. | 3 |
| D. Masaalah Kajian ................................. | 4 |
| BAB I | |
| A. SEJARAH RINGKAS LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (LKTP). .............. | 6 |
| B. KEDUDUKAN DAN PEMBUKAAN RANCANGAN KEMAJUAN TANAH IJOK. .................. | 9 |
| C. LATARBELAKANG PENEROKA DAN SEBAB MEMASUKI TANAH RANCANGAN. ........... | 11 |
| D. BENTUK PENEMPATAN ............................... | 19 |
| (a) Rumah dan Perkampungan ......................... | 19 |
| (b) Kemudahan Awam ................................. | 23 |
| E. SISTEM PENTADBIRAN. ............................. | 25 |

University of Malaya

Muka Surat


BAB II

ORGANISASI EKONOMI

A. PENGELUARAN ........................................ 28

B. POLA-POLA PEKERJAAN ................................ 33

(a) Peringkat Pengawasan .............................. 33

(b) Peringkat Penghasilan ............................. 35

C. JENIS PEKERJAAN .................................... 37

(a) Pekerjaan Utama ................................... 37

i) Menghasilkan susu getah ............................ 37

ii) Menyerahkan susu di pusat pengumpulan ..... 39

iii) Pengawasan ladang, dusun dan kawasan ...... 43
rumah.

(b) Pekerjaan Sambilan ................................ 45

i) Projek Ekonomi ..................................... 45

ii) Berniaga .......................................... 47

iii) Kerja-kerja di luar rancangan ............ 49

BAB III

PEMASARAN, PENDAPATAN, PENGGUNAAN DAN TABUNGAN

A. PEMASARAN ......................................... 52

(a) Pemasaran penghasilan Getah ...................... 52

(b) Peranan kedai sebagai pusat pasaran .......... 57

(c) Peranan peniaga luar di RKT Ijok. ............. 60

B. PENDAPATAN ........................................ 62

(a) Pendapatan di peringkat awal ..................... 62

(b) Pendapatan di peringkat penghasilan ........... 63

Muka Surat


C. PEMOTONGAN HUTANG ........................... 67

(a) Hutang kepada kedai Runcit LKTP .......... 68

(b) Hutang besar kepada Lembaga .............. 70

D. PERBELANJAAN .................................. 72

E. TABUNGAN ...................................... 73

BAB IV

PERTUBUHAN EKONOMI DAN SOSIAL RKT IJOK

A. PERTUBUHAN EKONOMI ........................... 97

(a) Syarikat Kerjasama Serbaguna ............. 97

(b) Syarikat Setia Jaya Bakti ................ 80

B. PERTUBUHAN SOSIAL ............................ 82

(a) Persatuan Belia .......................... 82

(b) Gabungan Perkumpulan Wanita .............. 83

(c) Syarikat Khairat Kematian dan UMNO ....... 86

BAB V

HUBUNGAN SOSIAL DI KALANGAN PENEROKA RKT IJOK ....... 90

(a) Hubungan sosial dalam kelompok blok ......... 90

(b) Hubungan antara peneroka seluruhnya ......... 92

(c) Nilai dan sikap ............................. 95

BAB VI

RUMUSAN DAN PENUTUP ............................... 100

SENARAI PETA ...................................... 107

BIBLIOGRAFI ....................................... 110


University of Malaya

## SENARAI JADUAL


| | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1. | Rancangan dan Luas Ekar yang dimajukan 1957-1970...... | 9 |
| 2. | Keluasan Tanah mengikut Peringkat .................... | 11 |
| 3. | Bilangan peneroka RKT Ijok ........................... | 12 |
| 4. | Daerah Asal Usul peneroka RKT Ijok ................... | 13 |
| 5. | Pekerjaan dan pendapatan peneroka di kampung asal. ................ | 15 |
| 6. | Saiz keluarga peneroka RKT Ijok ...................... | 17 |
| 7. | Bilangan saudara mara yang ikut serta ................ | 18 |
| 8. | Jumlah penduduk RKT Ijok hingga akhir bulan Mac. ..................... | 19 |
| 9. | Rumah peneroka dan kakitangan RKT Ijok ............... | 20 |
| 10. | Jenis dan luas kawasan Projek Ekonomi ................ | 45 |
| 11. | Jenis kedai dan bilangan peneroka yang terlibat. ................ | 47 |
| 12. | Harga getah dan sekerap di RKT Ijok - Mac 1973 ....... | 56 |
| 13. | Tingkat pendapatan kasar mengikut peringkat .......... | 63 |
| 14. | Jenis pekerjaan dan pendapatan peneroka RKT Ijok. ............. | 65 |
| 15. | Jumlah hutang peneroka di kedai Runcit LKTP .......... | 69 |
| 16. | Perbelanjaan peneroka mengikut bilangan anggota rumah. ............. | 72 |




University of Malaya

SENARAI PETA

Muka Surat

1. Peta Taburan Rancangan-rancangan ................ 107
LKTP dalam Persekutuan Tanah Melayu.

2. Menunjukkan kedudukan RKT Ijok dan .............. 108
lain-lain rancangan LKTP di Perak.

3. Peringkat-peringkat Kawasan RKT Ijok. ............. 109

University of Malaya

# PENDAHULUAN

## A. Tujuan dan bidang kajian

Kajian ini dijalankan di kawasan Rancangan Kemajuan Ranah Ijok, Perak, iaitu termasuk di dalam jajahan Larut Matang dan Selama. Rancangan ini yang mempunyai keluasan berjumlah 5,615 ekar dibuka dalam tahun 1960, ditanam dengan pokok-pokok getah.

Oleh kerana kawasan tanah rancangan ini adalah sebuah kawasan yang dikelolakan oleh Kerajaan di bawah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP), maka didapati sebahagian besar daripada penduduknya adalah terdiri daripada mereka yang sebelumnya tidak mempunyai tanah atau mempunyai tanah terlalu kecil. Keadaan kehidupan di kawasan tanah rancangan ini adalah berbeza dengan keadaan kehidupan di kampung asal. Kajian yang dijalankan ini walaupun bukan satu 'total community study' kerana lebih menitik-beratkan kepada organisasi ekonomi tetapi akan dibincangkan juga mengenai organisasi sosial dan membandingkannya dengan keadaan kehidupan di kampung asal. Oleh sebab peserta-peserta yang tinggal di kawasan ini adalah terdiri daripada mereka-mereka yang datang dari tempat yang berlainan, maka kajian ini akan menyentuh juga tentang hubungan sosial yang ujud bukan berasaskan tali kekeluargaan.

Kejayaan dan kemunduran Rancangan Kemajuan Tanah ini adalah bergantung kepada pehak yang mengendalikan serta kerjasama penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan ini. Jadi kajian ini



University of Malaya

juga bertujuan untuk melihat sejauh manakah tercapainya tujuan penempatan ini iaitu "mendirikan kumpulan kaum tani yang mewah makmur dan mempunyai tanah kebun yang dapat menanggung sara hidup mereka"[1] serta menganalisakan kejayaan dan kegagalannya.

Untuk menghadkan supaya perbincangan yang akan dilakukan tidak menyeleweng daripada tujuan sebenar, kajian ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian: Bahagian pertama akan disentuh mengenai sejarah ringkas LKTP, pembukaan dan kedudukan RKT, Ijok, latarbelakang peneroka serta sebab-sebab memasuki tanah rancangan dan kemudahan awam yang disediakan. Bahagian kedua akan dibincangkan tentang organisasi ekonomi termasuklah pengeluaran,pola dan jenis pekerjaan, pemasaran, pendapatan, penggunaan tabungan serta pertubuhan-pertubuhan ekonomi dan sosial yang terdapat di Rancangan Kemajuan Tanah Ijok.

Dalam bahagian terakhir akan dibincangkan mengenai hubungan sosial yang ujud di kalangan penduduk Rancangan Kemajuan Tanah serta sikap dan nilai peneroka terhadap ekonomi pelajaran dan sosial.

B. Kepentingan Kajian

Pentingnya kajian ini dijalankan adalah untuk membincangkan satu aspek dalam proses perubahan yang kian terjadi di kalangan masyarakat luar bandar. Rancangan Kemajuan Tanah yang diusahakan oleh Kerajaan adalah satu cara bagi meninggikan taraf hidup penduduk

---

[1]Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan: Penyata dan Kira-Kira Tahunan Bagi Tempoh Julai 1961 - Jun 1962. m.s 1.

luar bandar supaya dapat merasai nikmat hidup seperti yang dirasai oleh penduduk-penduduk bandar. Proses perubahan seumpama ini juga menimbulkan masaalah tertentu serta mempengaruhi struktur sosial, ekonomi dan politik. Kajian ini hanya menyentuh struktur sosio-ekonomi sahaja. Oleh kerana Rancangan Kemajuan Tanah ini melibatkan berlakunya proses pengaliran penduduk-penduduk luar bandar, jadi pengesanan ke atas proses pengaliran ini adalah penting, begitu juga dengan masaalah-masaalah penempatan semula penduduk-penduduk ini.

C. Cara membuat Kajian

Kajian ini dilakukan oleh penulis dalam masa cuti panjang iaitu pada bulan April 1973 selama tiga minggu. Sebelum kajian yang 'serious' dijalankan, penulis bersama dengan dua orang rakannya yang juga melakukan kajian di tempat yang sama telah pergi ke tempat kajian itu untuk mendapat kebenaran dari pengurus rancangan itu dan juga untuk membuat tinjauan tentang aspek-aspek yang akan dikaji bagi memudahkan untuk membuat 'questionnaire'.

Sebanyak 93 'questionnaires' telah disediakan dan mengandungi soalan-soalan yang meliputi tiga aspek, iaitu ekonomi, sosial dan politik. 'Questionnaires' ini telah diisikan sendiri oleh penulis dengan kerjasama dua orang rakannya bagi mengelakkan salah faham dari 'respondent'. Jadi di sini keterangan-keterangan yang didapati adalah dengan cara 'structured interview'. Disamping memperolehi keterangan-keterangan dengan cara itu, penulis juga mendapat keterangan dari soalan-soalan yang berdasarkan pada buah fikiran dan pendapat peneroka, iaitu dengan cara 'unstructured interview'.

University of Malaya

Selain daripada cara yang tersebut di atas, penulis juga menjalankan temuduga ke atas informan tertentu seperti Pengurus Rancangan, Penolong Pengurus, Jawatankuasa Perbadanan Sosial, Pengurus Syarikat Kerjasama Serbaguna, Guru Besar Sekolah dan juga Pengurus Kedai Runcit LKTP, bagi mendapat butir-butir mengenai hubungan sosial dan nilai hidup peneroka-peneroka di situ.

Semasa kajian dijalankan, penulis juga melakukan 'participant observation' ke atas aktiviti-aktiviti yang dijalankan di tanah rancangan itu. Penulis juga telah menyertai kenduri kahwin serta menghadiri satu syarahan ugama yang dibuat oleh seorang pensyarah dari Pakistan di Mesjid Tanah Rancangan itu. Maklumat-maklumat tentang sejarah awal pula telah diperolehi dari dokumen bertulis, surat pekeliling serta lapuran Tahunan LKTP. Data-data seperti keluasan tanah, bilangan penduduk diperolehi di Pejabat LKTP, di tanah rancangan ini.

Walaupun peneroka-peneroka yang tinggal di tanah rancangan ini berjumlah 406 keluarga dari empat peringkat, tetapi penulis hanya menemui 93 orang peneroka sahaja daripada 206 keluarga yang mendiami peringkat pertama, kedua dan ketiga. Pemilihan tidak dibuat secara 'random', tetapi secara 'research purposive sampling' iaitu pengkaji hanya mengunjungi rumah-rumah yang terdapat ketua keluarga untuk mendapat keterangan, iaitu berdasarkan kepada adanya peneroka itu di rumah.

D. <u>Masaalah Kajian</u>

Semasa kajian ini dilakukan banyak kesulitan-kesulitan dan masaalah yang timbul. Ini sudah sememangnya tidak dapat di-

elakkan oleh mana-mana pengkaji pun dalam menjalankan kajian mereka. Masaalah yang utama ialah, untuk mendapatkan kepercayaan dan keyakinan daripada peneroka-peneroka yang hendak ditemui itu supaya menjawab soalan dengan benar dan tepat. Kebanyakan peneroka-peneroka ini tidak memahami tujuan pengkaji yang sebenarnya tetapi setelah diberi penerangan barulah mendapat kepercayaan daripada mereka.

Peneroka-peneroka ini juga mempercayai saya sebagai pemungut derma, pemeriksa lesen radio dan juga pemungut cukai. Kesukaran untuk menemui ketua rumah juga menjadi satu masaalah. Mereka sering berada di tempat kerja, di sebelah petangnya pula ke dusun. Di waktu malamnya pula mereka terpaksa tidur awal kerana penat bekerja di siang hari, hanya di hari hujan dan di waktu kenduri kahwin barulah senang untuk menemui mereka. Semasa kajian dilakukan hanya sekali sahaja peneroka-peneroka ini ditemui semasa upacara itu diadakan. Selain daripada itu perkara-perkara yang menyentuh peribadi misalnya tentang pendapatan adalah sukar untuk diperolehi kerana kebanyakan daripada mereka tidak mahu bercakap benar tetapi dengan adanya rekod-rekod mengenai pendapatan di pejabat, maka masaalah ini dapat diatasi.

University of Malaya

BAB I

## A. SEJARAH RINGKAS LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (LKTP)

Malaysia sebuah negara pertanian sekarang ini sedang bergiat melancarkan rancangan-rancangan pembukaan tanah baru bagi mengatasi masaalah kekurangan tanah yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar. Rancangan pembukaan tanah ini adalah menjadi asas kepada pembangunan ekonomi dan masyarakat.

Untuk melancarkan lagi projek-projek ini Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan di bawah Undang-Undang Pembangunan Tanah Bilangan 20 dalam tahun 1956. Di bawah section 3(2) Undang-undang ada ternyata bahawa "adalah menjadi tugas Lembaga untuk membantu dan menjalankan penyiasatan membentuk dan melaksanakan rancangan tanah dan penempatan dalam Negeri Persekutuan".[2] Tujuan kerajaan menubuhkan LKTP ini adalah untuk memberi peluang kepada penduduk-penduduk luar bandar yang mengalami kekurangan tanah, mendapatkan tanah bagi menjalankan usaha-usaha pertanian. Kerajaan juga menyedari bahawa kemajuan tanah untuk pertanian adalah faktor yang mustahak dari segi pembangunan sosial dan ekonomi negara.

Pembukaan tanah yang dijalankan ini adalah untuk dua jenis penanaman iaitu getah dan kelapa sawit. Pengambilan peserta-peserta ada-

---

[2] Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan: Lapuran Tahunan 1966, m.s. 4.

lah berdasarkan kepada kelayakan mereka. Pemohon-pemohon dikehendaki mempunyai syarat-syarat yang berikut:-

(a) Warga Negara Malaysia atau Raayat Negeri.

(b) Umur di antara 21 - 45 tahun.

(c) Sudah berkahwin, lebih diutamakan yang mempunyai anak.

(d) Tidak mempunyai tanah atau mempunyai kurang daripada dua ekar.

(e) Mempunyai pengalaman pertanian, lebih diutamakan yang mempunyai kebolehan tambahan.

(f) Tidak ada rekod jenayah yang berat.

(g) Sihat tubuh badan dan sempurna anggota dan fikiran supaya dapat menjalankan kerja-kerja di ladang.

Mereka yang memenuhi syarat-syarat di atas ditemuduga oleh satu jawatankuasa yang mengandungi wakil Kerajaan Negeri yang berkenaan dan pegawai-pegawai LKTP. Peserta-peserta yang berjaya akan dipanggil mendiami tanah rancangan ini apabila rumah serta kemudahan-kemudahan asas disediakan oleh LKTP.

Perbelanjaan membuka dua memajukan kawasan Tanah Rancangan Ijok ini dibiayai oleh pehak Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Tugas membersih, menebang hutan rimba bagi menanam pokok-pokok getah serta kerja-kerja mendirikan rumah adalah diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Tetapi usaha-usaha ini menghadapi beberapa kelemahan. Berikutan dengan ini Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah dibentuk. Semenjak ini LKTP telah mengambil-alih tugas-tugas itu. Rancangan Kemajuan Tanah di Lembah Bilut adalah projek yang pertama dijalankan oleh LKTP. Kemudian semua tanah rancangan yang diselenggarakan oleh Kerajaan Negeri telah

diselenggarakan sendiri oleh LKTP yang sekarang ini bi bawah Kementerian Tanah dan Tugas-Tugas Khas.

Dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971 - 1975) Lembaga telah mengemukakan kepada Kerajaan cadangannya untuk memajukan sejumlah 250,000 ekar iaitu pukul rata 50,000 ekar setahun. Matalamat ini ialah 40% lebih daripada apa yang tercapai dalam tempoh Rancangan Malaysia Pertama.[3] Ini menunjukkan bahawa Lembaga dikehendaki menjalankan usaha yang besar dalam perlaksanaan Rancangan Malaysia Kedua.

Dalam tahun 1970 LKTP telah menunjukkan satu kebolehan yang besar dalam pembukaan tanah iaitu seluas 51,561 ekar telah dimajukan. Angka ini adalah lebih besar jika dibandingkan dengan tahun 1969 (seperti dalam jadual 1) tetapi jumlah bilangan pengambilan peserta pada keseluruhannya tidak memuaskan. Telah dicadangkan seramai lebih kurang 3,500 keluarga ditempatkan dalam tahun 1970 tetapi pengambilan yang sebenar hanya 2,318 keluarga. Pengambilan ini hanya memenuhi 66.2% daripada matalamat yang ditujukan.[4]

---

[3] Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan: Lapuran Tahunan 1970, m.s. 8

[4] Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan: Lapuran Tahunan 1970, m.s. 8.

University of Malaya

## JADUAL 1

### RANCANGAN DAN LUAS EKAR YANG DIMAJUKAN

| Tahun | Bilangan Rancangan | | | Ekar tanah yang ditanam | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Getah | Kelapa Sawit | Jumlah | Getah | Kelapa Sawit | |
| 1959 & sebelumnya | 10 | - | 10 | 4,091 | - | 4,091 |
| 1960 | 4 | - | 4 | 10,509 | - | 10,509 |
| 1961 | 10 | 1 | 11 | 14,471 | 926 | 15,397 |
| 1962 | 11 | - | 11 | 24,673 | 1,749 | 26,422 |
| 1963 | 8 | 4 | 12 | 17,343 | 6,839 | 24,182 |
| 1964 | 8 | 3 | 11 | 22,398 | 8,317 | 30,715 |
| 1965 | - | 1 | 1 | 8,475 | 9,578 | 18,053 |
| 1966 | - | 1 | 1 | 14,442 | 14,442 | 28,474 |
| 1967 | - | 7 | 7 | 9,144 | 18,235 | 27,399 |
| 1968 | - | 6 | 6 | 2,344 | 31,044 | 33,388 |
| 1969 | - | 7 | 7 | 1,928 | 36,321 | 38,249 |
| 1970 | 5 | 4 | 9 | 18,007 | 33,544 | 51,561 |
| | 56 | 34 | 90 | 147,825 | 160,595 | 308,420 |

Sumber: Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan: Lapuran Tahunan 1970, muka surat 9.

B. Kedudukan dan Pembukaan Rancangan Kemajuan Tanah Ijok

Rancangan Kemajuan Tanah Ijok terletak di Utara Negeri Perak dan mempunyai keluasan berjumlah 5,615 ekar. Kawasan ini adalah kawasan yang berbukit-bukit serta dialiri oleh beberapa batang sungai. Kawasan

University of Malaya

ini sesuai untuk penanaman getah. Bandar yang terdekat dengan tanah rancangan ini ialah Pekan Selama yang jauhnya 14 batu. Selain daripada itu peneroka-peneroka juga boleh keluar ke pekan yang kecil seperti Ijok dan Kubu Gajah di mana jaraknya RKT ini dengan kedua-dua pekan ini adalah hampir-hampir sama iaitu 9 batu.

Kerja-kerja pembukaan tanah atau menerangi kawasan ini telah dilakukan dalam tahun 1960. Semasa kerja-kerja ini dijalankan LKTP telah mendapat kerjasama dari Jabatan-jabatan seperti Jabatan Ukur, Jabatan Kerjaraya, Jabatan Hutan, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Pelajaran. Tiap-tiap jabatan ini mempunyai perwakilan masing-masing. Wang perbelanjaan operasi ini diperolehi dari jabatan itu melalui kementerian masing-masing.

Kerja-kerja membongkar hutanrimba telah dijalankan oleh pekerja-pekerja pemborong dan segala kayu kayan yang berharga telah diambil. Semua kerja-kerja memajukan rancangan ini seperti menanam anak benih dan kemudian mencantumkannya juga dijalankan oleh pemborong ini. Walaupun RKT ini dibahagi kepada peringkat tertentu tetapi kerja memajukan peringkat ini tidak dijalankan serentak. Tanah rancangan ini telah dibahagikan kepada empat peringkat:-

(i) Peringkat pertama - dibuka pada 8.11.1960.

(ii) Peringkat kedua - dibuka pada 11.12.1961.

(iii) Peringkat ketiga - dibuka pada 9.12.1963.

(iv) Peringkat keempat - dibuka pada 24.1.1967.

Peringkat pertama, kedua dan ketiga telahpun dituris tetapi peringkat keempat masih belum mengeluarkan hasil, iaitu masih di peringkat "maintainance" di mana peneroka yang tinggal di situ masih lagi menerima wang sara hidup dari pehak Lembaga dan sedang mengerjakan kerja-

University of Malaya

kerja pengawasan dan pembersihan ladang getah.

Tiaptiap peringkat ini pula mempunyai keluaran yang berbeza-beza dan tidak kesemuanya ditanam dengan pokok getah. Ini dapat dilihat dalam jadual 2.

## JADUAL 2

## KELUASAN TANAH MENGIKUT PERINGKAT

| Jenis Peringkat | Luas Keliling | Luas ditanam |
|---|---|---|
| Peringkat I | 1030.9 ekar | 822.6 ekar |
| Peringkat II | 1041.0 " | 812.1 " |
| Peringkat III | 686.0 " | 531.3 " |
| Peringkat IV | 1533.5 " | 1131.8 " |
| | 4219.4 ekar | 3288.8 ekar |

Jadual 2 menunjukkan bahawa dari keluasan yang berjumlah 4219.4 ekar bagi kesemua peringkat hanya 3288.8 ekar sahaja yang ditanam dengan pokok-pokok getah. Bagi kawasan perkampungan pula Lembaga telah menggunakan seluan 373 ekar dan untuk kawasan dusun seluas 950eekar. Daripada 950 ekar ini hanya 400 ekar sahaja yang ditanami tetapi masih belum mengeluarkan hasil.

## C. Latarbelakang Peneroka dan sebab memasuki Tanah Rancangan

Peneroka-peneroka yang tinggal dalam sesebuah Tanah Rancangan adalah terdiri daripada mereka yang telah memenuhi syarat-syarat yang dikenakan dan telah berjaya di dalam temuduga yang dikelolakan oleh Kerajaan Negeri masing-masing.

University of Malaya

Di Rancangan Kemajuan Tanah Ijok kemasukan peneroka-peneroka adalah dengan cara berperingkat-peringkat iaitu mengikut peringkat pembukaan tanah itu sendiri. Jumlah peneroka bagi keempat-empat peringkat rancangan itu ialah 406 keluarga. 100 keluarga mendiami peringkat I, 96 keluarga di peringkat ke II, 70 di peringkat ke III dan 140 keluarga di peringkat IV. Ini dapat dijelaskan lagi dengan melihat jadual 3.

JADUAL 3

BILANGAN PENEROKA DI RKT IJOK

| Jenis Peringkat | Tahun | Bilangan Keluarga | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | Masuk | Melayu | Cina | India | |
| Peringkat I | 1962 | 100 | - | - | 100 |
| Peringkat II | 1964 | 87 | 3 | 6 | 96 |
| Peringkat III | 1968 | 70 | - | - | 70 |
| Peringkat IV | 1971 | 137 | 1 | 2 | 140 |
| | | 394 | 4 | 8 | 406 |

Dalam jadual 3 didapati bahawa peneroka-peneroka yang tinggal dalam tanah rancangan ini kebanyakannya adalah terdiri daripada peserta-peserta bangsa Melayu. Walaupun begitu Lembaga juga telah mengambil peserta bukan Melayu tetapi jumlahnya terlalu kecil. Daripada 406 keluarga hanya 12 keluarga sahaja yang terdiri daripada keluarga bukan Melayu. Peserta-peserta bangsa India yang berjumlah 8 keluarga dan Cina 4 keluarga ini datangnya dari daerah-daerah yang berhampiran dengan kawasan tanah rancangan ini iaitu Kubu Gajah, Redang Panjang, Selama,

University of Malaya

Batu Kurau dan Ijok. Sebelum memasuki tanah rancangan ini mereka ini adalah terdiri daripada penuris getah yang bekerja secara mengambil upah di estate. Kalau berdasarkan pada jenis pekerjaan, mereka ini dapatlah digolongkan ke dalam kelas bawahan.

Peserta-peserta yang berjumlah seramai 406 keluarga ini pada keseluruhannya datang dari tempat atau daerah yang berlainan di seluruh Negeri Perak. Daripada 93 keluarga yang ditemui hanya 7 keluarga sahaja yang datang dari luar negeri Perak, seperti dalam jadual 4.

JADUAL 4

DAERAH-DAERAH ASAL USUL PENEROKA RKT IJOK

| Daerah/Negeri | Bilangan Peneroka |
|---|---|
| Perak Utara | 70 |
| Perak Tengah | 12 |
| Perak Selatan | 4 |
| Kedah | 4 |
| Pulau Pinang | 2 |
| India | 1 |
| Jumlah | 93 |

Jadual 4 menunjukkan bahawa 70 orang daripada peneroka-peneroka ini adalah dari daerah Utara Negeri Perak iaitu kawasan Batu Kurau, Bagan Serai, Parit Buntar, Gunung Semanggol, Selama, Matang dan Trong. Ini menunjukkan bahawa pemilihan peserta lebih diutamakan kepada penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran dengan kawasan tanah rancangan ini

University of Malaya

sendiri. Hanya 12 keluarga sahaja dari Perak Tengah dan 4 keluarga dari Perak Selatan. Bilangan yang terbanyak adalah dari Perak Utara.

Sebelum memasuki tanah rancangan ini peneroka-peneroka ini mempunyai pekerjaan masing-masing di kampung asal mereka. Tetapi memandangkan kepada pendapatan yang mereka perolehi itu adalah rendah dan setengah-setengah daripadanya terpaksa pula membayar sewa tanah yang mereka kerjakan itu menyebabkan perasaan ingin keluar dan mencari penghidupan baru berkobar-kobar di dada mereka. Tertubuhnya LKTP ini adalah memberi peluang kepada peneroka ini untuk memiliki tanah sendiri, mendapat pendapatan yang lebih serta merasai hidup yang dilengkapkan dengan segala kemudahan disamping meninggikan taraf ekonomi. Jadual 5 menunjukkan pekerjaan dan pendapatan peneroka semasa di kampung asal.

Daripada jadual 5 dapat dilihat bahawa peneroka-peneroka ini sebelum memasuki tanah rancangan ini bukan terdiri daripada mereka yang bekerja sebagai penoreh getah tetapi termasuk juga pesawah padi, peniaga, nelayan, mereka yang menjalani kerja kampung, tentera serta polis, kerani dan juga kerja buruh. Oleh kerana pekerjaan yang dijalankan adalah berbeza, ini menyebabkan pendapatan yang diperolehi juga berbeza. Keadaan seperti ini juga memberi kesan kepada pendapatan yang mereka perolehi sekarang. Ini akan dijelaskan dengan lebih lanjut lagi apabila dibicarakan tentang pendapatan.

Jadual 5 juga menunjukkan bahawa kebanyakan daripada peneroka ini bekerja sebagai pesawah padi, iaitu 28 orang, diikuti dengan tentera dan polis seramai 21 orang dan penoreh getah seramai 19 orang. Secara keseluruhan pendapatan yang diperolehi oleh peneroka ini adalah rendah, iaitu antara $50.00 - $110.00 sebulan kecuali bagi mereka yang bekerja

University of Malaya

JADUAL 5

PEKERJAAN DAN PENDAPATAN PENEROKA DI KAMPUNG ASAL

| Jenis Pekerjaan | Jumlah Pendapatan ($) | | | | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 50-70 | 71-90 | 91-110 | 111-130 | 131-150 | 200-300 | 301-500 | |
| Menoreh getah | 9 | 5 | 2 | - | 2 | 1 | - | 19 |
| Bersawah | 20 | 7 | - | - | - | 1 | - | 28 |
| Berniaga | - | - | - | - | - | 5 | - | 5 |
| Nelayan | 2 | - | 1 | - | - | - | - | 3 |
| Kerja Kampung | 6 | 4 | 1 | - | - | - | - | 11 |
| Tentera/Pulis | - | - | 6 | 1 | 1 | 11 | 2 | 21 |
| Kerani/Kerja Pej. | - | - | - | - | 2 | 2 | - | 4 |
| Buruh | - | - | - | 1 | - | 1 | - | 2 |
| | 37 | 16 | 10 | 2 | 5 | 21 | 2 | 93 |

University of Malaya

sebagai tentera dan pulis serta mereka yang menjalankan perniagaan, di mana pendapatan yang diperolehi itu adalah di antara $200.00 - $300.00 sebulan. Daripada 93 peneroka yang ditemui didapati 21 orang daripadanya adalah terdiri dari tentera dan pulis. Akan dilihat nanti 'role' yang dimainkan oleh mereka dalam menggerakkan aktiviti sosial dan ekonomi di dalam tanah rancangan ini.

Mereka yang mendapat pendapatan yang rendah ini selalu sahaja terdesak dan berusaha untuk memperolehi kerja yang baik, supaya pendapatan yang akan diperolehi itu adalah mencukupi bagi menanggung anak untuk bersekolah. Oleh kerana keadaan ekonomi yang buruk ini dan tujuan untuk memperolehi tanah sendiri menyebabkan mereka masuk ke tanah rancangan. Keadaan seperti ini juga menjadi satu sebab mengapa berlakunya proses pengaliran ke bandar-bandar.

Di kawasan tanah rancangan ini di mana terdapat 406 keluarga yang menetap didapati bahawa saiz keluarga peneroka ini juga berbeza-beza di antara satu sama lain. Ini adalah berdasarkan kepada jumlah bilangan anak yang terdapat dalam satu keluarga itu. Dari kajian yang dilakukan ke atas 93 keluarga yang mewakili ketiga-tiga peringkat rancangan didapati bahawa kebanyakan daripada peneroka-peneroka ini mempunyai bilangan anak yang ramai. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam jadual 6.

JADUAL 6

SAIZ KELUARGA PENEROKA RKT IJOK

| Bilangan Anak | Bilangan keluarga mengikut umur (th) | | | | | | Jumlah | % |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 30-35 | 36-40 | 41-45 | 46-50 | 51-55 | 56-60 | | |
| 1 - 3 orang | - | 3 | 4 | 3 | 1 | - | 11 | 11.8% |
| 4 - 7 " | 4 | 12 | 29 | 16 | 6 | 1 | 68 | 73.1% |
| 8 - 11 " | - | 3 | 8 | 3 | - | - | 14 | 15.1% |
| | 4 | 18 | 41 | 22 | 7 | 1 | 93 | 100 |

Dalam jadual 6 menunjukkan bahawa 73.1% daripada peneroka-peneroka ini mempunyai bilangan anak seramai 4 hingga 7 orang. Jumlah ini adalah terbanyak sekali kalau dibandingkan dengan bilangan peneroka yang mempunyai anak seramai 1 hingga 3 orang dan 8 hingga 11 orang. Pukul rata bilangan anak dalam satu keluarga 6 orang. Kalau diperhatikan dari segi umur peneroka-peneroka pula didapati bahawa peneroka-peneroka yang mempunyai bilangan anak seramai 4 hingga 7 orang adalah terdiri dari mereka yang berumur di antara 41 - 50 tahun. Ini mungkin menjadi satu sebab mengapa 73.1% daripada peneroka-peneroka itu mempunyai bilangan anak seramai 4 hingga 7 orang kerana di dalam lingkungan umur itu peneroka ini masih mempunyai tenaga untuk bekerja bagi menanggung keluarga mereka menyekolahkan anak-anak dan berharap agar anak mereka dapat hidup lebih senang daripada kehidupan mereka sekarang. Bilangan anak yang ramai juga boleh menolong peneroka-peneroka ini bekerja di ladang getah mereka seperti menolong menoreh dan memungut susu getah. Untuk menanggung keluarga mereka terpaksa bertekun dengan menjalankan kerja-kerja mereka.

Selain daripada menanggung anak isteri terdapat juga di antara peneroka-peneroka ini menyara hidup saudara mara yang ikut serta. Ini dapat dilihat dalam jadual 7.

JADUAL 7

BILANGAN SAUDARA MARA YANG IKUT SERTA

| Jenis saudara mara | Bilangan Peneroka |
|---|---|
| Emak | 6 |
| Adik/abang/anak saudara | 8 |
| Cucu | 8 |
| Jumlah | 22 |

Jadual 7 menunjukkan bahawa saudara mara yang ditanggung oleh peneroka-peneroka ini adalah terdiri daripada emak, adik, abang, anak saudara dan cucu. Hanya 22 peneroka sahaja daripada 93 peneroka yang ditemui terlibat.

Semasa kajian ini dilakukan didapati bahawa jumlah penduduk-penduduk di tanah rancangan ini sudah meningkat kepada 2,929 orang iaitu seperti yang terdapat dalam jadual 8.

University of Malaya

## JADUAL 8

## JUMLAH PENDUDUK RKT IJOK HINGGA AKHIR MAC, 1973

| | Lelaki | | | Perempuan | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | Melayu | Cina | India | |
| | 1265 | 11 | 35 | 1555 | 18 | 37 | 2921 |
| Bilangan kelahiran - Mac. | 3 | - | - | 5 | - | - | 8 |
| | 1268 | 11 | 35 | 1560 | 18 | 37 | 2929 |

B. Bentuk Penempatan

(a) Rumah dan Perkampungan.

Rancangan kemajuan Tanah Ijok yang luasnya 5615 ekar itu telah dikhaskan untuk tanah perkampungan seluas 373 ekar untuk didirikan rumah-rumah peneroka, rumah kakitangan LKTP dan juga kelinik, balai raya, mesjid, surau, sekolah serta balai pulis.

Kawasan perkampungan itu terletak di kawasan yang rendah kecuali di peringkat ketiga. Rumah-rumah didirikan berbaris-baris. Di bahagian yang berbukit, rumah-rumah didirikan di bahagian landai yang diteres. Rumah-rumah kakitangan LKTP di bahagian yang tertinggi di tengah-tengah perkampungan itu. Bilangan rumah-rumah peneroka yang didirikan itu dapat dilihat dalam jadual 9.

University of Malaya

JADUAL 9

RUMAH PENEROKA DAN KAKITANGAN LKTP IJOK

| Jenis Peringkat | Bil. rumah yang didirikan | Bil. rumah diduduki peserta | Rumah kakitangan LKTP | Rumah kosong |
|---|---|---|---|---|
| Peringkat I | 120 | 117 | 2 | 1 |
| " II | 130 | 123 | 4 | 3 |
| " III | 58 | 58 | - | - |
| " IV | 110 | 108 | - | 2 |
| | 418 | 406 | 6 | 6 |

Jadual 9 menunjukkan bahawa jumlah semua rumah yang didirikan ialah 418 buah termasuk rumah kakitangan LKTP yang mentadbirkan tanah rancangan ini. Daripada jumlah itu rumah yang diduduki hanyalah 412 buah dan rumah kosong berjumlah 6 buah. Rumah yang dibiarkan kosong itu bukanlah disebabkan peneroka-peneroka yang tinggal di situ berpindah ke tempat lain tetapi disediakan untuk peneroka-peneroka yang lambat membuat permohonan mereka.

Peneroka-peneroka yang mendiami rumah ini dibenar membesarkan rumah mereka itu tetapi hanya di bahagian belakangnya sahaja. Kawasan rumah seluas ¼ ekar itu digalakkan untuk ditanam dengan sayur-sayuran serta pokok buah-buahan seperti kelapa untuk menolong menjimat perbelanjaan mereka.

Sistem perhubungan yang terdapat di kawasan perkampungan ini kurang baik kerana tidak semua jalannya jenis tar. Jalan ini adalah menghubungkan peringkat-peringkat rancangan dengan kebun-

kebun getah mereka. Sistem hubungan ini juga dapat dianggap sebagai tempat di mana berlaku interaksi sosial antara peneroka-peneroka di kawasan tanah rancangan ini.

(b) Kemudahan Awam

Peserta-peserta yang tinggal di RKT ini telah disediakan dengan berbagai kemudahan awam seperti balai raya, balai polis, kelinik, sekolah, mesjid surau, bus, kedai barang runcit LKTP dan pondok talipon. Seperti yang telah diterangkan RKT ini jauhnya 14 batu dari bandar Selama, 9 batu dari Pekan Kubu Gajah dan 9 batu dari Pekan Ijok. Untuk sampai ke tempat-tempat itu LKTP telah menyediakan kemudahan jalan raya dan perkhidmatan bas satu jam sekali untuk membawa penumpang-penumpang atau peneroka-peneroka ini keluar dan masuk ke tanah rancangan bagi mendapatkan barang-barang keperluan mereka. Dengan adanya perkhidmatan bas ini didapati peneroka bukan sahaja dapat bergaul antara mereka sahaja tetapi dapat juga menjalinkan interaksi sosial dengan orang-orang di luar rancangan. Dengan ini juga peneroka-peneroka itu dapat menyerap idea baru yang dibawa oleh orang-orang di luar tanah rancangan ini.

Selain daripada itu kemudahan lain seperti yang terdapat di bandar terdapat juga di RKT ini. Bekalan air paip telah disediakan pada tahun 1963 tetapi di tepi jalan sahaja. Dalam tahun 1972 bekalan air ini disalurkan di tiap-tiap buah rumah peneroka. Bekalan letrik belum disalurkan ke rumah-rumah peneroka kecuali di rumah kakitangan yang mentadbirkan tanah rancangan itu.

Beberapa buah institusi seperti kelinik, balai raya, mesjid, sekolah, balai polis yang didirikan untuk memberi kemudahan-

kemudahan kepada peneroka juga memainkan peranan sebagai tempat bagi mengiratkan tali hubungan antara peneroka-peneroka di RKT ini.

(a) Kelinik

Dengan terdirinya sebuah kelinik di kawasan ini peneroka-peneroka tidaklah menghadapi masaalah untuk mendapat ubat. Kelinik ini dikelolakan oleh seorang bidan. Selain daripada itu bidan ini telah ditugaskan untuk melawat ke rumah-rumah peneroka bagi merawat isteri-isteri peneroka yang bersalin serta memberi penerangan mengenai perancang keluarga. Penerangan-penerangan yang dilakukan secara 'face to face' ini dapat mempengaruhi isteri-isteri peneroka ini dengan lebih mudah lagi, dan disamping itu ujud hubungan 'informal' antara bidan dengan isteri-isteri peneroka ini. Selain daripada penerangan mengenai perancang keluarga, bidan juga memberi penerangan bagaimana cara-cara untuk memelihara anak-anak serta memilih zat makanan yang baik bagi menjaga kesihatan keluarga mereka.

Peneroka-peneroka yang memerlukan ubat boleh mendapatkannya pada tiap-tiap dua minggu sekali apabila kereta ubat dari Selama datang ke kelinik ini. Selalunya peneroka atau isteri-isteri mereka akan datang berkumpul di kelinik. Pada waktu seperti inilah peneroka atau isteri mereka mengambil kesempatan untuk berbual mesra kenalan-kenalan mereka. Pokok perbualan selalunya tertumpu kepada soal rumah-tangga dan anak masing-masing. Keadaan seperti ini juga ujud apabila kelinik ini dibuka untuk isteri-isteri yang hamil sahaja.

Peranan yang dimainkan oleh kelinik ini menyebabkan kebanyakan daripada peneroka-peneroka yang ditemui sedar batapa penting-

nya kesihatan di dalam satu-satu keluarga itu. Mereka ini sudah hilang kepercayaan kepada kuasa ghaib atau bomoh. Sungguhpun begitu di tanah rancangan ini terdapat tiga orang bomoh. Seorang daripadanya adalah terkenal, hingga orang-orang di luar dari tanah rancangan malahan dari luar negeri Perak pun pernah menjemput beliau untuk menyembuhkan penyakit seperti penyakit tidak sedarkan diri. Ini menunjukkan bahawa bomoh yang memainkan peranan yang penting dalam kehidupan orang Melayu, walaupun di tanah rancangan ini sikap percaya kepada kuasa ghaib itu hampir luput tetapi masih ada juga di antara peneroka-peneroka yang mempercayainya. Di sini dapat dirumuskan bahawa kelinik adalah memainkan peranan penting bagi mengubah cara hidup peneroka-peneroka di sini.

(b) Balai Raya

Balai raya yang didirikan oleh Lembaga adalah untuk memberi kemudahan-kemudahan kepada peneroka bagi mengadakan perjumpaan tertentu. Oleh kerana di RKT ini terdapat pertubuhan sosial seperti Gabungan Perkumpulan Perempuan, Persatuan Belia, UMNO, Syarikat Kerjasama Serbaguna, maka balai raya ini telah digunakan sebagai tempat untuk mengadakan mesyuarat. Tiap-tiap minggu Gabungan Perkumpulan Perempuan RKT ini menggunakan balai raya ini bagi menjalankan kelas masakan dan jahitan. Mereka telah diajar oleh guru-guru yang tinggal di luar rancangan dan dijemput khas untuk tujuan ini. Selain daripada itu balai raya juga digunakan oleh peneroka-peneroka ini untuk berihat, membincang disamping membaca suratkhabar. Balai raya ini juga digunakan untuk kelas TADIKA. Dengan ini didapati bahawa balai raya ini tidaklah dibiarkan begitu sahaja tetapi

University of Malaya

adalah berfungsi bagi memenuhi keperluan penduduk di situ seperti yang diterangkan di atas tadi. Di sini balai raya memainkan peranan penting bagi mengujud atau mengiratkan hubungan sosial penduduk-penduduk RKT ini.

Sekolah adalah sebagai institusi yang terpenting bagi memberi pelajaran kepada anak-anak peneroka. Sekolah ini didirikan sebelum peneroka memasuki tanah rancangan lagi. Apabila peneroka masuk anak-anak mereka terus disekolahkan. Disamping berfungsi sebagai tempat untuk memberi ilmu pengetahuan, sekolah juga mempunyai 'role' bagi menjalinkan hubungan antara guru dengan murid, murid dengan murid dan ibubapa dengan guru. Dengan terjalinnya hubungan ini ibubapa dapat memahami dengan mendalam lagi batapa pentingnya dan mustahak pelajaran di zaman pembangunan ini. Hasil daripada kerjasama antara guru-guru sekolah dengan ibubapa pada tiap-tiap tahun sekolah ini telah mengadakan sukan tahunan. Pesta sukan seperti inilah memberi peluang kepada ibubapa berkumpul beramai-ramai untuk menyaksikan kejayaan anak-anak mereka di dalam lapangan sukan. Selalunya di upacara seperti ini semua kakitangan yang mentadbirkan kawasan rancangan ini dijemput untuk memeriahkan lagi upacara itu. Secara tidak langsung hubungan mesra ujud di kalangan guru-guru sekolah dengan kakitangan Lembaga dan juga peneroka.

(d) Mesjid dan Surau

Dengan terdiri sebuah mesjid dan dua buah surau di RKT ini, telah memberi kemudahan kepada kaum muslimin menunaikan fardhu sembahyang. Mesjid dan surau ini juga digunakan untuk mengajar pelajaran ugama kepada orang-orang dewasa dan kanak-kanak, tempat menga-

dakan hari keramaian seperti mengadakan perayaan Maulud Nabi, pertandingan membaca Quraan dan majlis syarahan ugama.

Untuk mengerjakan majlis seperti ini peneroka-peneroka telah bekerjasama dalam menjalankan kerja. Walaupun peneroka ini datang dari tempat dan daerah yang berlainan, sifat bantu membantu dan bekerjasama antara satu sama lain seperti dalam upacara yang disebutkan di atas itu tetap ujud. Mesjid dan surau ini dapatlah dianggap sebagai institusi yang berfungsi dan memainkan peranan bagi mengiratkan hubungan sosial di kalangan peneroka-peneroka.

Selain daripada institusi yang disebutkan di atas, Lembaga juga telah menyediakan perkhidmatan pos bergerak bagi memudahkan peneroka menyimpan wang, membaharui lesen radio, serta mengirim surat. Dengan ini dapatlah meringankan peneroka untuk keluar dari rancangan bagi menyimpan wang. Untuk membuat penggilan dari jauh sebuah pondok talipon telah disediakan. Sebuah taman permainan kanak-kanak juga dibina untuk memberi peluang kepada kanak-kanak bermain. Bekalan filem bergerak LKTP juga masuk ke tanah rancangan ini, berfungsi untuk menghiburkan peneroka-peneroka setelah penat bekerja.

E. Sistem Pentadbiran

Rancangan Kemajuan Tanah Ijok ini ditadbirkan oleh pengurus rancangan dengan dibantu oleh penolongnya dan 21 kakitangan yang lain dengan tugas masing-masing.

Bagi melicinkan pentadbiran pehak Lembaga telah menubuhkan satu badan yang dinamakan Majlis Pembangunan dan Kemajuan Rancangan (MPKR). Tiap peneroka mengambil bahagian untuk melaksana-

kan pertubuhan ini. Peneroka-peneroka akan mengadakan undian untuk memilih seorang wakil bagi menjadi jawatankuasa Tertinggi dalam MPKR. Wakil-wakil yang dipilih itu adalah mewakili blok masing-masing. Oleh kerana kawasan tanah rancangan ini dibahagikan kepada empat peringkat dan tiap-tiap satu peringkat pula dipecahkan kepada dua blok. Dua orang wakil akan dihantar untuk mewakili blok masing-masing dalam mesyuarat MPKR.

MPKR mengadakan mesyuarat pada tiap-tiap bulan dan dipengerusikan oleh pengurus rancangan sendiri. Semasa mesyuarat dijalankan ahli jawatankuasa tertinggi MPKR yang juga termasuk wakil-wakil pertubuhan dalam rancangan seperti wakil Syarikat Kerjasama Serbaguna, Gabungan Perkumpulan Wanita, Pertubuhan Belia, Tadika, Khairat Kematian, wakil dari pehak keselamatan iaitu polis, guru besar dan bidan diakui untuk menyuara kemuskilan atau rayuan berhubung dengan kehidupan hari-hari dan pentadbiran rancangan. Dalam mesyuarat ini juga dibincangkan mengenai rancangan untuk membuka projek ekonomi masaalah pendidikan, kesihatan dan soal-soal ugama.

Segala keputusan yang dicapai akan disampaikan oleh wakil blok ini kepada semua peneroka. Badan ini adalah sebagai wakil-wakil menyampaikan sesuatu masaalah dari peneroka kepada Lembaga dan Lembaga kepada peneroka. MPKR juga telah membuka tabungnya sendiri untuk kemudahan dan perbelanjaan peneroka sendiri apabila mengadakan Maulud Nabi, bayaran kepada guru ugama, sagu hati kepada Tok siak serta bayaran bekalan air. Peneroka-peneroka yang telah menuris dikenakan yuran sebanyak $1.00 dan yang belum menuris sebanyak 50 sen.

Sebagai seorang pengurus rancangan, disamping mempengeru-

sikan MPKR ia juga memasuki dan menjalankan pemeriksaan ke dalam lot-lot getah. Kalau beliau tidak berpuas hati dengan kebun itu dia akan memberitahu kepada pembantu luar (Field Assistant) kerana mereka ini adalah bertanggungjawab mengawasi peneroka. Mereka ini akan memberitahu kepada ketua blok dan akhirnya ketua blok akan menyampaikan kepada orang yang berkenaan.

Dengan tertubuhnya MPKR, pehak Lembaga akan dapat mengetahui dengan lebih dekat lagi mesaalah peneroka dan peneroka pula dapat memahami betapa beratnya peranan Lembaga untuk memberi segala kesenangan kepada peneroka serta mengubah nilai hidup mereka supaya dapat menyesuaikan keadaan hidup di kawasan yang dirancangkan oleh Kerajaan. Dengan ini pentadbiran rancangan dapat dijalankan dengan licin dan mudah.

University of Malaya

# BAB II

## ORGANISASI EKONOMI

Organisasi ekonomi dapat dimengertikan sebagai cara mengatur dan menyusun berbagai-bagai kegiatan ekonomi bagi memenuhi keperluan hidup masing-masing, seperti makan, minum, pakaian dan tempat tinggal. Raymond Firth memberi definisi organisasi ekonomi sebagai:-

> "......... a type of sosial action. It involves the combination of various kinds of human services with one another and with non-human goods in such a way that they serve given ends. This means an arrangement of these elements in a system, by limiting the kinds of relations, that can potentially exist between them."[5]

Dalam bab ini dan bab-bab seterusnya akan dibincangkan organisasi ekonomi RKT Ijok iaitu sebuah rancangan tanah yang ditadbirkan oleh sebuah badan yang ditubuhkan oleh pemerintah. Perkara yang akan dihuraikan dalam bab ini adalah mengenai bahan pengeluaran dan pola serta jenis-jenis pekerjaan.

(a) Pengeluaran.

Rancangan Kemajuan Tanah Ijok ini telah ditanami dengan pokok getah. Bahan pengeluaran utamanya yang juga sebagai sumber pendapatan

University of Malaya

---

[5]Raymond Firth : Element of Social Organisation, Beacon Press Boston 1966, m.s. 123.

utama bagi peneroka-peneroka di rancangan ini ialah getah. Pokok getah ini ditanan oleh pehak Lembaga sebelum peneroka ini memasuki dan mendiami kawasan tanah rancangan ini. Peneroka-peneroka hanya boleh mengerjakan tanah getah mereka sendiri setelah pokok getah itu berumur 4 tahun. Ini disebabkan dalam jangka masa tersebut barulah mereka mempunyai kemahiran untuk mengerjakan lot mereka sendiri. Selain daripada itu kerja-kerja pembahagian lot memakan masa yang panjang. Walau bagaimanapun kerja-kerja pembersihan lot ini telah dijalankan bersama oleh peneroka-peneroka ini dengan diawasi oleh pegawai rancangan. Cara pengawasan pokok-pokok getah ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut lagi bila dibincangkan mengenai pola-pola dan jenis-jenis pekerjaan.

Tiap-tiap satu ekar tanah ini telah ditanam dengan 150 batang pokok getah dan tiap-tiap peneroka hanya diberikan tujuh ekar sahaja. Daripada tujuh ekar yang dimiliki itu tidak ke semuanya ditanam dengan pokok getah kerana tanahnya termasuk dalam kawasan paya. Ini menimbulkan perasaan tidak puas hati daripada peneroka ini. Perasaan tidak puas hati ini telah disampaikan kepada wakil blok yang menganggotai jawatankuasa tertinggi MPKR yang mengadakan mesyuaratnya pada tiap-tiap bulan. Hasil daripada perundingan yang dibuat dengan pehak Lembaga maka peneroka-peneroka yang tidak bernasib baik ini telah diberi ganti dengan tanah getah yang baru yang terletak di peringkat ke empat, tetapi pokok getah ini belum lagi mengeluarkan hasilnya.

Selain daripada memiliki tanah untuk mengeluarkan getah, peneroka juga telah diberi tanah dusun seluas dua ekar. Tanah dusun ini diberi kepada peneroka setelah didapati keadaan tanaman getahnya

University of Malaya

dalam jagaan yang memuaskan. Di RKT Ijok tanah dusun ini diperolehi dalam tahun 1971. Tujuan kerajaan memberi tanah ini ialah supaya peneroka dapat menambahkan pendapatan di samping pengeluaran getah. Oleh kerana dusun ini baru diperolehi maka hasilnya belum dikeluarkan. Peneroka-peneroka ini sekarang sedang berusaha menanam tanaman jangka panjang seperti durian, rambutan, langsat, rambai, ciku, limau, jambu dan cempedak. Sementara menunggu pokok-pokok ini mengeluarkan hasil, peneroka-peneroka ini telah menanam pokok pisang dan betik untuk dimakan dan dijual.

Di kawasan rumah yang seluas suku ekar pula telah ditanami dengan sayur-sayuran, pokok nangka, rambutan serta kelapa. Dengan hasil yang dikeluarkan dapat menolong peneroka menjimatkan perbelanjaan harian mereka.

Selain daripada hasil-hasil pengeluaran yang disebutkan di atas peneroka ini juga mengeluarkan hasil tambahan dari projek ekonomi yang dilancarkan oleh Lembaga. Projek ini terbuka kepada semua peneroka dan dijalankan dengan pengawasan pehak Lembaga. Tujuan dilancarkan projek ini adalah sebagai punca tambahan untuk makanan. Penanaman seperti pisang, ubi kayu sayur-sayuran dan keladi adalah termasuk dalam projek ini. Di samping jenis-jenis tanaman penternakan kambing, lembu dan kerbau, ikan juga ada di usahakan. Perbincangan mengenai projek ekonomi ini akan dijelaskan lagi di bawah tajuk pekerjaan. Dengan ini dapatlah dirumuskan bahawa di rancangan kemajuan tanah Ijok ini, di samping mengeluarkan bahan pengeluaran getah, juga mengeluarkan hasil dari pekerjaan tambahan seperti projek ekonomi dan tananam di sekeliling rumah di mana dapat membantu peneroka bagi menjimatkan perbelanjaan harian.

University of Malaya

Untuk mengeluarkan hasil getah ini tenaga buruh adalah perlu. Di RKT Ijok tenaga buruh adalah terdiri daripada peneroka-peneroka sendiri dengan dibantu oleh anak isteri. Buruh luar tidak digunakan dalam mengerjakan ladang getah mereka. Walaupun terdapat 9 orang peneroka yang tidak menjalankan kerja sendiri, mereka tidak mengupah buruh dari luar tetapi mengupah buruh yang terdapat dalam tanah rancangan itu sendiri. Buruh yang diupah itu bukanlah terdiri daripada peneroka tetapi anak-anak mereka yang belum mempunyai sebarang kerja tertentu. Sistem upahan yang dilakukan adalah sistem bahagi dua tau pawah. Buruh yang diupah itu akan menjalankan kerja-kerja menuris. Hasil daripada penjualan susu getah itu akan dibahagi dua, separuh untuk tuan tanah dan separuh lagi untuk orang yang mengambil upah tadi.

Buruh ini semasa menjalankan kerja memerlukan alat-alat menuris. Sungguhpun pokok getah telah disediakan oleh Lembaga tetapi untuk mengeluarkan susu getah, peneroka ini memerlukan modal untuk membeli segala alatan seperti pisau menuris, baldi dan kenderaan untuk pergi bekerja dan mengangkut susu getah ke tempat-tempat memproses, seperti basikal atau motosikal. Selain daripada itu peneroka juga mesti membeli racun dan baja bagi mengawasi pokok dari diserang oleh Lembaga. Modal untuk membeli alat-alat ini mestilah dikeluarkan sendiri oleh peneroka, kecuali untuk membeli baja dan racun. Andainya peneroka ini benar-benar tidak mempunyai wang ia boleh mengambil dahulu daripada pehak Lembaga. Bayaran dijelaskan kemudian dengan cara dipotong dari pendapatan yang diperolehi.

Alat-alat pengangkutan seperti motosikal adalah dimiliki oleh peneroka-peneroka. Basikal atau motosikal ini adalah mustahak untuk mereka pergi ke ladang yang jauhnya lebih kurang empat batu itu dan

untuk menghantar susu getah ke pusat pengumpulan getah. Dalam menjalankan kerja-kerja sambilan seperti berniaga dan melakukan kerja-kerja di luar rancangan walaupun 11 orang peneroka sahaja yang terlibat, modal adalah dikeluarkan oleh mereka sendiri. Peneroka-peneroka yang menjalankan perniagaan mendapat modal dari keuntungan yang didapati semasa berniaga di kampung asal. 3 orang daripada mereka ini mendapat bantuan dari anak-anak yang sudah bekerja. Bagi bekas tentera dan pulis modal didapati dari wang simpanan semasa mereka bekerja dahulu.

Semasa menjalankan kerja-kerja di ladang getah mahupun dalam projek ekonomi serta pengawasan rumah, kakitangan LKTP adalah memainkan peranan penting sebagai 'leader' bagi menunjuk ajar dan menasihat peneroka ini bekerja supaya mereka dapat menjadi petani yang mahir dan bertanggungjawab. Kakitangan LKTP telah bekerja seharian untuk memerhatikan kerja-kerja peneroka ini. Mereka ini ditugaskan untuk melihat pokok getah, menasihati penuris supaya membersih lorong, pokok getah dan mengajar peneroka cara menuris dengan baik. Bagi mengawasi kawasan rumah dan untuk menjaga kebersihan seorang pegawai wanita telah ditugaskan pergi ke tiap-tiap buah rumah peneroka untuk menasihat supaya menjaga kebersihan dan kesihatan serta membeli barang-barang makanan yang mengandungi zat.

Dari sini telah dilihat pentingnya "role" yang dimainkan oleh pegawai-pegawai LKTP ini bagi menjaga supaya kehidupan peneroka terjamin. Dengan mengikuti nasihat yang diberikan seperti bagaimana cara menuris dengan betul, membolehkan peneroka ini menikmati faedah yang penuh dari kebun mereka.

(b) Pola-pola Pekerjaan.

Pembicaraan mengenai pola pekerjaan ini boleh dilakukan dalam dua peringkat.

(a) Pola pekerjaan di peringkat pengawasan.

(b) Pola pekerjaan di peringkat penghasilan.

Semasa membincangkan pola-pola pekerjaan ini saya akan tinjau bagaimana peneroka-peneroka sebagai anggota penempatan berancang diasuh oleh peraturan-peraturan rancangan yang bertujuan mendisiplinkan mereka agar menjadi petani yang mahir dan bertanggungjawab.

(a) Peringkat Pengawasan.

Pada peringkat pengawasan ini pokok getah yang ditanam itu belum mengeluarkan hasil tetapi masih diawasi akan kesuburannya oleh peneroka sendiri. Semasa kajian dilakukan pokok getah di peringkat I, II dan III telah mengeluarkan hasil, hanya peneroka di peringkat ke empat sahaja yang masih menjaga pokok getah mereka.

Dalam tempoh pengawasan ini peneroka adalah memainkan peranan utama untuk menjaga ladang getah mereka. Peneroka-peneroka dibayar bantuan sara hidup sebanyak $69.60 sen sebulan sebagai ganjaran bagi tugas mengawasi ladang dengan sempurna. Dengan ganjaran ini peneroka dikehendaki bekerja selama 24 hari dalam sebulan dan 8 jam sehari. Lot-lot getah yang diawasi itu adalah lot sementara yang dinamakan lot tugas.

Di peringkat pengawasan ini peneroka telah dikenakan kawalan yang ketat oleh pegawai-pegawai yang berkenaan. Mereka ini dikehendaki melapurkan diri di pejabat pada pukul 6.00 pagi sebelum menjalankan kerja-kerja di lot tugas. Sistem "Roll Call" telah dikenakan untuk

mendisiplin peneroka-peneroka supaya dapat menyudahkan kerja-kerja mereka dengan cepat dan sempurna. Di sini peranan pegawai sebagai pemerhati dan penasihat kepada peneroka-peneroka ini adalah penting. Peneroka-peneroka yang menjalankan kerja-kerja di peringkat ini adalah mengikut cara atau peraturan yang diarahkan oleh Lembaga Kerja dijalankan secara gotong royong. Mereka-mereka ini telah dibahagikan kepada kumpulan seramai 10 - 15 orang untuk mengerjakan tanah seluas 80 - 120 ekar. Tujuannya untuk memupuk semangat kerjasama bagi menggalakkan pembentukan 'natural leaders'. Kerja-kerja secara gotong royong ini dijalankan untuk mengiratkan integrasi sosial di kalangan peneroka-peneroka. Mereka yang terlibat dengan kerja gotong royong ini terdiri daripada mereka yang diam setempat. Misalnya sesama peneroka di peringkat pertama memasuki tanah rancangan ini mereka di tempatkan di rumah-rumah yang disiapkan oleh Lembaga dan dibahagikan kepada dua 'blok'. Peneroka yang tinggal dalam blok ini akan dibahagikan oleh pegawai yang mengawasi, ke dalam kumpulan seramai 10 - 15 orang dan mereka ini menjalankan kerja bersama-sama. Semasa bekerja peneroka-peneroka ini dapat berkenal dengan lebih dekat lagi dan asas hubungan antara peneroka ini ujud kerana mereka datang dari tempat yang berlainan. Di sini jelaslah bahawa telah ujud hubungan secara langsung antara anggota dalam kelompok blok. Hubungan ini adalah secara 'face to face.' Oleh kerana mereka tergolong dalam satu kelompok yang diperintah oleh satu badan pentadbiran dan mempunyai nasib yang sama dari segi ekonomi dan corak hidup maka timbullah kesedaran bagi menolong mempercepatkan perpaduan dan membentuk rasa tergolong dalam satu kumpulan atau "in group." Kerja gotong royong ini bukan sahaja dijalankan oleh kaum lelaki tetapi juga kaum ibu dan belia-belia.

Sebagai rumusan dapatlah dikatakan bahawa kerja-kerja yang dijalankan di peringkat pengawasan ini adalah memerlukan kerjasama di kalangan peneroka-peneroka kerana pada peringkat ini peneroka masih menjalankan kerja-kerja di lot tugas bukannya di lot sendiri. Cara gotong royong yang mereka lakukan itu adalah sesuai sekali dengan keadaan masa dan tempatnya kerana daripada sinilah peneroka dapat berkenalan dengan lebih dekat lagi dan dapat membincang perkara-perkara yang menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan mereka. Bila ada penyesuaian di kalangan mereka maka dengan lebih mudah lagi mereka dapat melantik orang-orang tertentu seperti ketua blok sebagai pemimpin dalam menjalankan kerja-kerja. Pemimpin ini diangkat berdasarkan kematangan, kebolehan dan pengelaman semasa di kampung asal.

(b) Peringkat Penghasilan.

Pada peringkat penghasilan ini pokok getah telahpun boleh dituris tetapi peneroka-peneroka diminta mengikut peraturan yang dikeluarkan oleh Lembaga. Walaupun begitu tidak semua peraturan itu dipatuhi sepenuhnya. Misalnya semasa kerja penurisan dibuat. Peneroka sepatutnya dikehendaki menuris hanya 15 hari dalam sebulan tetapi terdapat peneroka yang menuris 20 hari dalam sebulan.

Peneroka-peneroka ini dibenar menuris apabila pokok getah itu berumur 5 hingga 6 tahun dan ukuran lilitnya 20 inci pada bahagian setinggi 50 inci daripada perdunya dan bagi getah cantuman 30 inci dari perdunya. Saluran turisan yang dibuat itu adalah condong melingkungi separuh lilitan pokok itu dari kiri ke sebelah atas dan ke kanan di sebelah bawah. Turisan ini diperlukan supaya dapat merentasi beberapa banyak saluran di dalam pokok itu, kerana pokok getah mempunyai saluran

susu mengikut arah yang bertentangan. Kandungan yang baik ialah di antara 25°- 30°. Penurisan juga hendaklah dilakukan pada sebelah pokok sahaja dan tidak boleh melebihi satu inci lebar pada satu bulan. Seorang penuris tidak dibenar menuris lebih dari 10 inci dalam satu tahun.

Pokok getah ini tidak boleh dituris dengan sesuka hati sahaja. Ada cara-cara tertentu iaitu dengan cara 'single task' dan 'double task". Kalau menggunakan 'single task' cara AB digunakan. Kebun itu dibahagikan kepada dua, iaitu bahagian A dan B. Penurisan hanya dijalankan pada satu bahagian sahaja pada satu hari, A pada hari pertama dan B pada hari kedua. Hari ketiga A semula. Kalau pada giliran B hari hujan hari yang berikutnya mestilah pada A iaitu mengikut giliran asal.

'Double task' ialah cara AA iaitu tiap-tiap pokok yang cukup ukurannya dituris semuanya sekali pada masa yang sama tetapi penurisan hendaklah dilakukan selang sehari. Cara 'single task' ini selalu digunakan terutama kalau penuris itu menjalankan kerja seorang tanpa bantuan dari isteri atau anak kerana tentulah susah bagi seorang penuris hendak menghabiskan seluruh lot itu. Penuris yang mendapat bantuan dari anak dan isteri sahaja yang mengamalkan cara 'double task' ini. Daripada 93 peneroka yang ditemui hanya 48 peneroka yang mengamalkan cara ini.

Tujuan Lembaga memberi tunjuk ajar dan meminta peneroka supaya menjalankan kerja mengikut peraturan tertentu adalah untuk melatih peneroka menuris dengan betul agar mendapat hasil getah yang baik. Oleh kerana peneroka yang dipilih memasuki tanah rancangan ini bukan semua terdiri daripada mereka yang berpengalaman dalam menuris atau terdiri dari penuris getah maka peraturan dan pengawasan cara menuris mestilah diajar kepada mereka terutama kepada mereka yang di kampung asal bekerja

sebagai nelayan, pesawah padi dan juga bekas tentera dan pulis. Dengan peraturan dan nasihat yang diberikan, peneroka-peneroka ini diharapkan agar dapat mengeluarkan hasil yang bermutu tinggi. Kalau dibandingkan dengan di kampung asal, di mana segala-segala terpulang kepada penduduknya, mereka bebas melakukan kerja kerana mereka tidak terikat kepada apa-apa peraturan. Peraturan yang dikenakan ini melibatkan rombakan dalam struktur dan organisasi sosial anggota masyarakat di rancangan ini. Rombakan struktur dan organisasi termasuklah rombakan dalam pekerjaan, pentadbiran dan sosial.

(c) <u>Jenis-jenis Pekerjaan.</u>

Pekerjaan peneroka di rancangan ini dapat dibahagikan kepada dua jenis.

(a) Pekerjaan utama.

(b) Pekerjaan sambilan.

(a) <u>Pekerjaan Utama.</u>

Apa yang dimaksudkan dengan pekerjaan utama ialah menghasilkan susu getah, membersih ladang dan rumah serta mengendalikan kerja-kerja dusun.

(i) <u>Menghasilkan susu getah.</u>

Keluarga adalah memainkan peranan penting dalam penghasilan getah. Namun begitu terdapat juga peneroka-peneroka yang tidak menjalankan kerja penurisan getah ini tetapi mengupah orang lain. Mereka ini adalah terdiri daripada peneroka yang tergolong dalam golongan orang-orang yang menjalankan kerja-kerja sambilan seperti berniaga dan melakukan kerja-kerja di luar rancangan. Pada anggapan mereka kerja-kerja sambilan itu adalah lebih di utamakan daripada kerja menuris getah yang sepatutnya menjadi pekerjaan utama mereka.

University of Malaya

Buruh yang diupah itu adalah terdiri dari anak peneroka di rancangan itu dan buruh ini mempunyai hubungan rapat dengan peneroka sendiri. Upah diberikan adalah mengikut sistem bahagi dua atau pawah. Masa bekerja adalah sama dengan penuris-penuris yang lain.

Peneroka-peneroka ini bangun di antara pukul 4.00 - 5.00 pagi untuk ke tempat kerja yang jauhnya lebih kurang 4 batu. Kebanyakan daripada mereka menggunakan basikal, hanya sebahagian kecil sahaja yang menggunakan motosikal. Daripada 93'respondent' yang ditemui 19 orang sahaja yang menggunakan motosikal. Anak-anak dan isteri mereka pula berjalan kaki beramai-ramai ke tempat kerja. Tetapi ada juga yang menumpang basikal suami mereka. Apabila sampai ke tempat kerja mereka tidak membuang masa tetapi terus memulakan kerja-kerja penurisan.

Kerja-kerja menuris ini selesaikan pada pukul 10.00 pagi. Peneroka akan berihat sekejap. Oleh kerana kawasan ladang ini terletak di satu kawasan ladang yang luas iaitu mengikut peringkat tertentu jadi peneroka akan menumpu ke kawasan itu sahaja. Di sini hubungan antara peneroka ini sudah tentu tidak dapat dielakkan terutama di masa berihat. Penuris-penuris ini mengambil kesempatan untuk berbual sesama mereka dan ini merupakan satu kebiasaan. Pokok perbualan mereka selalunya tertumpu kepada soal-soal kepentingan bersama serta masaalah peribadi.

Di masa berihat seperti ini terdapat juga pegawai yang bertugas datang berbual-bual dengan penuris tadi. Ini menimbulkan hubungan yang 'informal' antara penuris dan pegawai. Di waktu ini penuris mengambil kesempatan menyampaikan masaalah atau kemusykilan yang mereka sedang hadapi. Dengan perbualan dan layanan-layanan yang diterima akan menambahkan lagi keyakinan penuris getah ini terhadap pegawai.

University of Malaya

Setelah berihat seketika penuris-penuris ini meneruskan semula kerja mereka iaitu memungut susu getah. Kerja ini dilakukan di antara pukul 10.00 - 12.00 tengah hari, setelah pokok getah berhenti menitiskan susunya. Kerja seperti menolong menuris, memungut susu getah, menanggalkan getah sekerap daripada saluran turisannya dan membersihkan mangkuk-mangkuk getah adalah dibantu oleh anak dan isteri mereka.

Susu getah ini dipungut dengan menggunakan baldi bertangkai. Apabila baldi penuh, susu ini akan dituangkan dalam baldi khas yang terletak dipelantar Honda atau basikal. Ada juga di antara penuris yang menggunakan kayu pengandar bagi mengandar baldi besar. Di musim daun luruh di mana susu lebih pekat penuris memasukkan amonia ke dalam baldi pembawa itu untuk mencegah dari beku. Susu getah ini kemudiannya akan diserahkan ke pusat pengumpulan yang terletak:-

(1) Dalam ladang getah peringkat I.

(2) Dalam ladang getah peringkat III.

Kedua-dua pusat pengumpulan ini akan menerima susu getah dari penuris-penuris mulai jam 12.00 tengah hari.

(ii) <u>Menyerahkan susu di pusat pengumpulan.</u>

Di pusat pengumpulan getah didapati dua orang buruh tetapi iaitu anak peneroka yang diberi gaji oleh Lembaga sebanyak $3.00 sehari. Mereka ditugas untuk menimbang dan menyukat ketumpatan getah susu. Dua orang pegawai ditugaskan untuk mencatit pendapatan peneroka pada hari itu. Kerja-kerja ini diawasi oleh penolong pengurus. Getah susu yang sampai ke pusat pengumpulan ini mula-mulanya dituang ke dalam baldi melalui dua lapis tapisan. Kemudian ditimbang dengan dacing lb dan

beratnya dicatit oleh kerani yang bertugas. Satu tabung susu diambil dari dalam baldi itu dicampurkan dengan dua bahagian air bersih. Campuran ini dituang pula ke dalam satu tabung lain hingga melimpah. Selepas itu satu jangka ukur yang bernama 'metrolac' diapungkan ke dalam campuran itu untuk menentukan ketumpatan getah susu bagi penuris tadi. Bacaan yang diperolehi diteriakkan kepada kerani yang bertugas. Dengan menggunakan jadual khas berat kering (dry weight) getah susu itu akan ditentukan. Sekarang ini satu cara baru yang lebih saintifik telah digunakan untuk mengetahui kandungan getah kering itu dan untuk mengelak dari berlakunya penyelewengan dari peneroka. Cara mengetahui kandungan getah kering ini adalah seperti berikut:-

(a) Timbangan 'flask dan latex', ambil sedikit susu yang ditimbang tadi (untuk dikeringkan) campurkan asid kekuatan 0.5, kacau dan cium hingga susu itu tidak berbau amonia. Masukkan ke atas 'steam bath' hingga beku. Kemudian getah beku itu diambil dan ditapis dengan 'filter paper' supaya dapat diambil ketul-ketul getah yang seni dan digilingkan 'lump' itu hingga nipis. Kemudian letakkan semula keping getah itu sehingga kering di atas 'steam bath' setelah didapati kering masukkan getah kering (sample) itu ke dalam balang pengering. Apabila sudah sejuk ditimbang.

Tujuan dijalankan cara penentuan Kandungan Getah Kering (KGK) ini, ialah supaya berat KGK dari rancangan tidak akan berbeza lebih dari 0.5% dari KGK pembeli.

Sample cara mendapat getah kering bagi 400 gallon.

Flask Latex = 75.000

Flask Latex = 73.000 (setelah diambil sedikit untuk sample)

W1 = 2.050 (berat getah sample basah)

W2 = 0.800 (ditimbang setelah dikeringkan)

$$= \frac{W2 \times 100}{W1}$$

$$= \frac{0.800 \times 100}{2.050} = 39.02$$

Getah kering bagi segallon ialah 3.75lbs.

.˙. untuk 400 gallon = 3.75 x 400

= 1512.00 lbs.

Baki dari sample yang diambil tadi di tuangkan ke dalam baldi untuk disimpan dan dicampurkan dengan sedikit larutan amonia bagi mencegah dari beku. Getah yang berkerintil dimasukkan ke dalam timba dan dicampurkan dengan cuka lemah (diluted formic acid). Bila beku dikeluarkan dijadikan getah beku. Getah ini akan ditimbang di hari berikutnya setelah getah kandungan airnya hilang.

Getah sekerap dan getah beku ini adalah hasil sampingan yang dapat menambahkan lagi pendapatan penuris ini. Getah ini mestilah diserahkan ke pusat pengumpulan dan tiap-tiap penyerahan dicatit dan dimasukkan ke dalam kira-kira penghasilan. Walaupun getah sekerap dan beku ini mesti diserahkan tetapi terdapat peneroka yang menjual getah ini secara haram kepada taukeh di luar tanah rancangan. Ini akan dibincangkan ladi di bawah tajuk pemasaran.

University of Malaya

Daripada apa yang dibincangkan mengenai pekerjaan utama iaitu menuris getah didapati bahawa pekerjaan yang dijalankan adalah mengikut masa tertentu iaitu dari pukul 4.00 atau 5.00 pagi hinggalah ke pukul 12,00 atau 1.00 tengahari. Apabile kerja yang dijalankan itu beres. Di sini didapati bahawa dalam melaksanakan kerja-kerja penurisan ini tidak terdapat sebarang pengkerususan atau tidak terdapat pergantungan antara seorang individu dengan individu yang lain untuk mengeluarkan hasil pengeluaran yang sama. Misalnya dalam sebuah ladang getah yang dipunyai oleh A didapati A seorang sahaja yang menjalankan kerja-kerja mengeluarkan susu getah dari mula hinggalah ke akhir. A tidak menggunakan peneroka B atau C yang khusus untuk kerja menuris dan memungut susu getah untuk dihantar ke pusat pengumpulan. Tetapi walau bagaimanapun peneroka-peneroka ini adalah mendapat bantuan dari keluarga bagi mempercepatkan kerja-kerja mereka. Di sini unit keluarga adalah memainkan peranan penting dalam mengeluarkan hasil getah walaupun hanya 28 keluarga dari yang ditemui mempunyai anak di peringkat umur yang boleh menolong bekerja.

Kalau diperhatikan pula kerja-kerja yang dilakukan di pusat pengumpulan getah di mana susu getah ditimbang untuk mengetahui jumlah yang didapati oleh peneroka, tugas ini adalah dijalankan oleh pegawai dengan bantuan buruh yang diupah. Dalam masa menjalankan kerja-kerja menyukat dan menimbang susu itu banyak mendatangkan rasa tidak puas hati dari kalangan peneroka. Mereka merasai yang mereka telah ditipu sebab semua kerja diselenggarakan oleh kakitangan Lembaga. Tetapi walaupun perasaan tidak puas hati itu meluap-luap dan perasaan ingin menentang itu timbul tetapi mereka tidak menentang secara terus terang,

University of Malaya

hanya dipendamkan sahaja. Jadi konflik yang timbul adalah tidak ketara. Ini mungkin disebabkan peneroka ini masih mempunyai perasaan takut kerana mereka masih lagi terikat dengan Lembaga. Hutang-hutang pada Lembaga belum di selesaikan lagi. Mereka bimbang kalau-kalau mereka akan disingkir dari tanah rancangan. Akibat dari rasa tidak puas hati ini juga membawa kepada berlakunya penjualan getah sekerap ke luar rancangan. Keterangan lanjut akan dibincangkan dalam tajuk pemasaran.

Semasa menjalankan kerja-kerja ini juga ujudnya hubungan di kalangan peneroka sendiri dan juga hubungan yang 'informal' antara peneroka dengan pegawai yang mengawasi mereka terutama di waktu peneroka ini beristirihat dan juga dalam perjalanan ke tempat kerja. Dengan hubungan yang mesra menyebabkan mereka dapat bentukan fikiran, membincangkan masaalah peribadi dan hasil daripada ini membawa mereka ke satu arah untuk perpaduan dan bekerjasama dalam menjayakan aktiviti-aktiviti ekonomi, serta sosial, misalnya dalam majlis perkahwinan, kematian dan juga pembersihan kawasan masjid, surau serta kawasan ladang getah.

(iii) Pengawasan Ladang, Dusun dan Kawasan Rumah.

Kerja-kerja pengawasan ladang getah, dusun dan kawasan rumah adalah dianggap sebagai pekerjaan utama di samping menuris getah. Pengawasan kawasan rumah ladang dilakukan bersama oleh anggota keluarga terutamanya kerja bercucuk tanam, berternak dan menjaga kebersihan rumahtangga.

Di ladang dan di dusun kerja pengawasan adalah dilakukan dengan bantuan keluarga dan sahabat karib (personal friend). Bantuan yang diberikan ini merupakan bantuan tenaga kerja dan dilakukan atas dasar kerjasama atau tolong menolong sesama mereka untuk mempercepatkan lagi kerja. Kerja pembersihan ini dibuat di sebelah petang selepas kerja

University of Malaya

menuris getah. Semasa kajian dilakukan, kawasan ini sedang menghadapi musim hujan. Kebanyakan peneroka telah menghabiskan masa dengan bekerja di dusun. Tanah dusun ini sebelum diberikan kepada peneroka, kerja-kerja membersihkan adalah dilakukan dengan gotong royong. Peneroka telah dibahagikan kepada 10 - 15 orang dalam satu kumpulan dan mereka ini diawasi oleh pegawai yang bertugas. Setelah dusun itu diberikan kepada peneroka, kerja-kerja membersih, mengawasi dan menanam tanam-tanaman dilakukan secara individu dengan bantuan dari unit keluarga. Seramai 35 peneroka yang mendapat bantuan dari keluarga semasa menjalankan kerja-kerja itu. Kerja secara gotong royong adalah semakin lemah kerana tidak adanya sefahaman antara satu sama lain.

Dalam aktiviti sosial pula seperti dalam majlis kenduri kahwin, kerja gotong royong ini adalah menjadi satu kebiasaan. Sungguhpun kerja-kerja dalam kegiatan ekonomi seperti menjalankan projek ekonomi ini dijalankan mengikut peraturan yang 'formal' dengan jadual tertentu misalnya dalam kerja menuris getah, mereka diminta bangun pagi untuk ke tempat kerja sehinggalah kerja-kerja mereka selesai. Pehak Lembaga tidak pula menguat kuasakan peraturan-peraturan itu dalam semua keadaan tanpa menghiraukan faktor sosial. Di upacara nikah kahwin, kematian dan seumpamanya seperti perayaan Maulud Nabi tiap-tiap peneroka adalah bebas dengan keputusan sendiri iaitu samada hendak meneruskan kerja atau menyertai upacara itu. Tetapi dari apa yang dilihat dan dari keterangan yang diberikan didapati semua yang dijemput itu akan menghadirinya kerana mereka takut akan dipulaukan oleh masyarakat atau apabila tiba waktu mereka mengadakan upacara itu mungkin tidak mendapat sambutan dari masyarakat.

University of Malaya

(b) Pekerjaan Sambilan

Pekerjaan sambilan yang dilakukan oleh peneroka di tanah rancangan ini dapat dibahagikan kepada 3 jenis.

(i) Projek ekonomi.

(ii) Berniaga.

(iii) Kerja-kerja di luar rancangan.

(i) Projek Ekonomi.

Projek ekonomi ialah projek penanaman jangka pendek serta penternakan yang dilakukan oleh peneroka-peneroka di tanah rancangan ini. Projek ini dianjurkan oleh Lembaga dan dibuka kepada peneroka mengikut peringkat mana mereka tinggal. Di tiap-tiap peringkat ini telah disediakan tanah yang sememangnya dikhaskan untuk projek ini. Tujuan Lembaga melakukan ini adalah sebagai punca tambahan untuk makanan. Jenis tanaman yang ditanam ialah pisang, ubi kayu, sayur-sayuran dan keladi. Jadual 10 menunjukkan luas tanah yang ditanam dan ramainya peserta-peserta yang mengambil bahagian.

JADUAL 10

JENIS DAN LUAS KAWASAN PROJEK EKONOMI

| Jenis tanaman | Luas (ekar) | Bil. Peneroka |
|---|---|---|
| Pisang | 225 | 303 |
| Ubi Kayu | 11 | 24 |
| Sayur-sayuran | 12 | 71 |
| Keladi | 15 | 65 |
| Jumlah | 263 | 463 |

University of Malaya

Jadual 10 menunjukkan bahawa tanah untuk tanaman pisang adalah yang terluas sekali iaitu 225 ekar dan bilangan peneroka yang menyertainya juga adalah ramai iaitu 303 orang. Ini disebabkan tanah di sini adalah sesuai untuk tanaman pisang.

Selain daripada jenis tanaman, penternakan juga dijalankan iaitu kambing, lembu, kerbau dan ikan. Untuk membersihkan tanah bagi menjalankan projek ekonomi ini, peneroka mendapat bantuan jentera seperti trektor dari pehak Lembaga. Kerja-kerja selanjutnya seperti menanam, mengawasi tanaman adalah dilakukan secara individu kerana tanah itu diberi kepada mereka yang benar-benar hendak mengerjakannya. Walaupun pada dasarnya Lembaga mengarahkan supaya projek ini dilakukan dengan cara gotong royong tetapi cara ini lama kelamaan semakin lemah kerana peneroka ini lebih mementingkan diri sendiri dan mereka ini juga tidak mahu bertolak ansur dalam menjalankan kerja. Dengan ini Lembaga telah memberi tanah untuk tujuan ini kepada mereka yang benar-benar memerlukannya. Segala hasil yang diperolehi adalah untuk diri mereka sendiri.

Sungguhpun Lembaga menggalakkan supaya ramai lagi peneroka-peneroka mengambil bahagian dalam projek ini tetapi sambutan hanya diberi di masa permulaan sahaja. Ini mungkin disebabkan peneroka ini sibuk dengan kerja-kerja di ladang getah dan di dusun masing-masing. Semasa kajian dilakukan seluas 8 ekar tanah untuk penanaman ubi kayu sedang diusahakan di peringkat ke III. Dengan terlaksananya projek ini sebagai pekerjaan tambahan, Lembaga mengharapkan agar peneroka-peneroka ini sedar serta dapat mengubah sikap untuk hidup di masa depan dengan lebih sempurna.

University of Malaya

(ii) Berniaga.

Berniaga adalah menjadi satu sumber untuk menambah pendapatan peneroka-peneroka. Kerja ini dijalankan secara sambilan di samping menjalankan kerja di ladang getah. Di tanah rancangan ini didapati sebanyak 10 buah kedai, 3 buah dibina di rusuk rumah, sebuah di peringkat ke II dan dua buah di peringkat ke III. Tujuh buah lagi didirikan di kawasan yang dikhaskan berhampiran dengan kedai runcit LKTP. Jenis barang yang dijual dapat dilihat dalam jadual 11.

JADUAL 11

JENIS KEDAI DAN BILANGAN PENEROKA YANG TERLIBAT

| Jenis Kedai | Bilangan Kedai |
|---|---|
| Kedai barang runcit * | 7 buah |
| Kedai kopi | 1 buah |
| Kedai baiki basikal | 1 buah |
| Kedai gunting rambut | 1 buah |
| Jumlah | 10 buah |

* Termasuk buku, alat tulis, sayur-sayuran serta ikan.

Daripada Jadual 11 didapati bahawa 10 buah kedai 7 buah adalah kedai barang-barang runcit. Daripada 7 buah ini 3 buah terletak di peringkat ke II dan III. Kedai runcit ini adalah terbanyak sekali bilangannya mungkin disebabkan oleh kesedaran peneroka untuk menceburkan diri dalam lapangan perniagaan dan juga untuk memenuhi keperluan penduduk yang berjumlah 2,929 orang itu.

University of Malaya

Jenis barang-barang yang dijual termasuklah barang keperluan hari-hari seperti beras, tepung, gula, minyak kelapa, minyak tanah, susu, barang-barang dalam tin, rempah hinggalah kepada barang-barang keperluan kanak-kanak seperti gula-gula, asam jeruk dan roti kering. Di samping menjual barang-barang runcit ini 4 buah daripada 7 buah kedai tadi ada menjual sayur-sayuran serta ikan basah. Sebuah daripadanya didapati di peringkat ke III. Ini memudahkan peneroka di kawasan itu mendapat barang-barang keperluan mereka dan disebabkan peringkat III ini adalah jauh kalau dibandingkan dengan peringkat I dan II.

Peneroka-peneroka yang menjalankan perniagaan ini adalah tergolong dalam golongan orang yang berada seperti bekas tentera dan pulis serta mereka-mereka yang sebelum memasuki tanah rancangan ini bekerja sebagai peniaga. Dari 10 orang yang menjalankan perniagaan itu 3 orang daripadanya adalah terdiri dari pulis. Oleh kerana mereka datang dari kelas ini maka masaalah untuk mendapatkan modal bagi menjalankan kerja-kerja ini tidak menjadi masaalah besar. Peniaga ini mendapat modal dari simpanan yang mereka buat sebelum memasuki tanah rancangan ini. Bagi membesarkan lagi perniagaan, mereka mendapat bantuan modal dari anak-anak yang sudah bekerja.

Kerja-kerja mengurus kedai seperti kira mengira memasuki barang-barang ke dalam kedai terletak di tangan pekedai ini sendiri. Barang-barang yang terdapat dalam kedai itu di borong dari taukeh Cina yang terletak di pekan Kubu Gajah, 9 batu dari tanah rancangan. Oleh kerana pekedai-pekedai itu tidak mempunyai kenderaan sendiri maka taukeh sendiri akan menghantarkan barang-barang itu. Kerja-kerja mengendalikan kedai seperti menjual barang adalah dilakukan oleh anak pekedai dan juga orang upahan mereka. Ini disebabkan pekedai-pekedai ini juga perlu

mengerjakan kerja-kerja di ladang getah, hanya di sebelah petang dan di hari hujan sahaja didapati pekedai-pekedai ini berada di kedai masing-masing. Walaupun begitu tidak semua daripada pekedai ini yang menjalankan kerja-kerja di ladang getah, ada juga di antara mereka yang mengupah orang lain mengerjakan kerja menuris getah. Sistem upahan yang dijalankan adalah sistem bahagi dua atau pawah. Mereka yang mengupah ini akan mengendalikan kerja-kerja di kedai.

Pekedai-pekedai ini bukan sahaja menerima pembeli yang membeli secara tunai tetapi juga dengan cara berhutang. Pekedai terpaksa menghadkan bilangan orang yang berhutang dan jumlah harga barang yang mereka hutang. Ini dilakukan supaya mereka tidak mendapat kerugian andainya peneroka yang berhutang tidak dapat menjelaskan hutang-hutang mereka. Perkara hutang ini seolah-olah seperti satu tradisi pula di kalangan peneroka-peneroka ini. Di tiap-tiap buah kedai yang dikunjungi mesti terdapat orang yang berhutang. Walaupun ada sungutan daripada pekedai-pekedai ini mengenai setengah-setengah peneroka yang tidak mahu menjelaskan hutang, tetapi pekedai ini tidak mengambil apa-apa tindakan kerana bimbang akan timbulnya konflik yang mungkin menyebabkan kedai-kedai mereka dipulaukan.

(iii) Kerja-kerja di luar rancangan

Jenis-jenis pekerjaan yang dapat dikatogerikan dalam kerja-kerja di luar rancangan ini ialah kontrekter, pemandu teksi dan bus sekolah, serta bakerja sebagai anak kapal di dalam kapal haji. Peneroka-peneroka yang terlibat dalam kerja ini hanya sebilangan kecil sahaja. Ini disebabkan mereka tidak berpeluang dan tidak dapat meninggalkan kerja-kerja di ladang getah.

Mereka yang bekerja di luar rancangan ini adalah terdiri daripada peneroka yang mempunyai kesedaran bahawa pendapatan dari penghasilan getah sahaja adalah tidak mencukupi untuk menanggung keluarga. Mereka ini semasa di kampung asal bekerja sebagai pemandu, peniaga, bekas tentera dan yang bekerja sendiri.

Mereka yang bekerja sebagai kontrekter adalah di bawah syarikat yang ditubuhkan di dalam rancangan iaitu sebagai pemborong bagi menebang dan membersih kawasan hutan rimba yang akan digunakan untuk sesuatu projek. Dewasa ini syarikat ini sedang membersih hutan membina jalan dari Ijok ke Kroh. Peranan syarikat yang ditubuhkan ini akan dibincangkan dalam bab IV. Selain daripada bekerja sebagai kontrekter terdapat juga peneroka yang bekerja sebagai pemandu teksi dan bas. Mereka ini di samping membawa penumpang dari dalam rancangan pergi ke luar tanah rancangan iaitu ke bandar Taiping dan Selama atau untuk pulang ke kampung, teksi ini juga mengambil penumpang-penumpang di pekan yang berhampiran dengan tanah rancangan.

3 orang daripada peneroka di RKT Ijok ini telah dapat peluang bekerja di dalam kapal haji semasa kapal haji membawa orang yang hendak menunaikan fardhu haji ke Mekah.

Dengan ini dapatlah disimpalkan bahawa peneroka ini bebas melakukan kerja sambilan tetapi kalau diteliti didapati kerja seperti memandu teksi dan bas adalah kerja sepenuh masa, walaupun pada anggapan mereka kerja itu sebagai kerja sambilan. Dengan menjalankan kerja-kerja ini di samping dapat menambahkan pendapatan mereka juga dapat bergaul dengan masyarakat luar dan kawasan rancangan serta dapat menambahkan pengalaman yang telah ada pada diri mereka. Selain daripada itu ujud

juga interaksi sosial di antara peneroka dengan masyarakat luar kawasan tanah rancangan.

Oleh kerana peneroka ini bebas memilih kerja-kerja sambilan terutama bagi mereka yang menjalankan kerja di luar rancangan didapati bahawa perhubungan dan pergaulan mereka dengan masyarakat setempat tidaklah begitu irat. Mereka lebih banyak menumpukan masa mereka kepada kerja-kerja itu. Sungguhpun pergaulan dengan masyarakat tidak begitu mesra tetapi pada masa-masa tertentu, misalnya apabila perjumpaan tahunan diadakan oleh persatuan-persatuan di situ mereka ini akan hadir. Seorang daripada mereka adalah selaku setiausaha UMNO.

Di sini dapatlah dikatakan bahawa perpaduan sosial di antara mereka dengan masyarakat tidaklah ujud dengan sepenuhnya tetapi hanya pada jangka waktu tertentu sahaja. Disebabkan mereka mendapat pendapatan yang lumayan, mereka juga membeli barang-barang keperluan harian di kedai luar dari tanah rancangan.

University of Malaya

BAB III

PEMASARAN, PENDAPATAN, PENGGUNAAN DAN TABUNGAN

Dalam bab yang lalu telah dibincangkan bagaimana peneroka-peneroka sebagai anggota penempatan berancang menggunakan tanah yang diberikan kepada mereka bagi mengeluarkan pekerjaan harian mereka dan juga bagaimana kerja-kerja sambilan yang dilakukan bagi menambah hasil pendapatan mereka.

Dalam bab ini akan dibincangkan bagaimana peneroka ini memasarkan hasil-hasil pengeluaran mereka, jumlah pendapatan yang diperolehi, cara perbelanjaan yang dibuat juga simpanan dan tabungan.

A. Pemasaran

(a) Pemasaran penghasilan getah

Apabila membicarakan mengenai pasaran apa yang akan dibincangkan adalah mengenai pasaran hasil pengeluaran getah, pasaran hasil sampingan yang diperolehi oleh peneroka-peneroka itu. Di sini juga akan dibincangkan mengenai peranan kedai dan penjual dari luar sebagai pusat pemasaran. Pasaran dapat didefinisikan sebagai satu organisasi di mana pembeli dan penjual mempunyai hubungan yang rapat di antara mereka hingga menyebabkan harga di satu bahagian pasaran itu dipengeruhi oleh harga dibahagian lain.

Di tiap-tiap rancangan kemajuan tanah yang dikelolakan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan termasuklah Rancangan Kemajuan Tanah Ijok sendiri, hasil pengeluaran getah yang diperolehi tidak dijual oleh

peneroka sendiri tetapi dijual oleh pehak Lembaga. Susu getah yang dikumpulkan di pusat-pusat pengumpulan getah yang terletak di peringkat I dan III itu akan dijual oleh Lembaga kepada Syarikat Lee Latex dari Bidong, Kedah. Lori-lori dari Syarikat ini akan memasuki tanah rancangan ini pada tiap-tiap hari kecuali di hari-hari di mana getah tidak dituris. Harga getah yang diambil oleh Syarikat ini adalah mengikut harga pasaran tempatan dan berdasarkan pada jenis dan mutu getah yang dikeluarkan. Walaupun Lembaga selaku orang tengah dalam memasarkan hasil keluaran getah ini tetapi pehak Lembaga tidak mengambil apa-apa keuntungan kerana tugas untuk menyelenggarakan penjualan adalah terletak ditangan mereka dan dengan ini pentadbiran rancangan dapat berjalan dengan licin. Wang yang diterima iaitu sebagai pendapatan kepada peneroka akan dimasukkan ke dalam kiraan pendapatan dan setelah ditolak hutang-hutang peneroka kepada Lembaga, maka baki yang didapati akan diberikan kepada peneroka sebagai pendapatan bersih mereka.

Penjualan susu getah kepada Syarikat Lee Latex ini mendapat tentangan dari peneroka-peneroka tetapi tentangan atau konflik yang ujud itu tidaklah secara berterus terang tetapi dipendamkan sahaja. Peneroka-peneroka tidak berpuas hati dengan harga getah yang dibayar oleh Syarikat ini. Mereka berkehendakkan agar Lembaga menukarkan tender pembelian susu getah itu kepada pemborong lain. Apa yang menjadi masaalah sekarang ialah tentang sikap peneroka yang masih lagi tidak mahu menyuarakan pendapat mereka dengan berterus terang kepada pehak Lembaga. Mereka hanya melepaskan perasaan tidak puashati itu sesama mereka sahaja apabila mereka berkumpul.

University of Malaya

Pendapatan yang diterima hasil daripada penjualan getahiini adalah tidak mencukupi sehingga peneroka ini tidak dapat menjelaskan hutang mereka kepada pehak Lembaga. Oleh kerana keadaan seperti inilah ujudnya apa yang dikatakan penyelewengan dalam memasarkan susu getah ini. Peneroka yang mendapat pendapatan yang randah dan terpaksa menanggung anak-anak yang ramai telah menjual getah sekerap dan getah yang dibekukan secara haram. Walaupun seorang peneroka yang ditemui memberitahu bahawa 99 peratus daripada peneroka yang tinggal di peringkat I telah membekukan getah dan menjualnya secara haram tetapi setelah diperhati dan diselidiki didapati bahawa keterangan yang diberikan tidak dapat diterima kerana terdapat juga peneroka-peneroka yang tinggal di peringkat ini tidak melakukan penjualan getah seperti itu kerana mereka ini menjalankan perniagaan di dalam rancangan dan terdapat juga peneroka yang bekerja di luar rancangan.

Peneroka-peneroka yang melakukan kerja membeku getah ini disebabkan oleh perbelanjaan yang diperolehi itu tidak mencukupi tetapi mereka terpaksa menanggung perbelanjaan anak-anak untuk bersekolah terutama bagi mereka yang mempunyai anak yang belajar di peringkat menengah. Wang untuk yuran dan tambang bas dikehendaki di awal bulan. Sebagai contoh satu kes telah dipetik:-

" Cik bin Osman berumur 40 tahun, mendapat pendapatan sebanyak $100.00 sebulan. Beliau mempunyai anak seramai 8 orang. 5 orang masih bersekolah. 3 daripadanya bersekolah di peringkat menengah, dalam tingkatan IV, III dan I dan 2 orang di sekolah rendah dalam darjah V dan II. Beliau terpaksa mengeluarkan $27.00 sebulan untuk tambang, tidak termasuk buku dan wang saku 3 orang anak yang belajar

sekolah menengah yang terletak 14 batu dari tanah rancangan. Pernah di suatu masa anaknya tidak dapat ke sekolah kerana tidak mempunyai wang untuk tambang. Di samping itu beliau juga terpaksa menggunakan wang pendapatannya untuk perbelanjaan harian dan membayar hutang kepada Lembaga. "

Oleh kerana peneroka-peneroka ini memandang berat akan pelajaran anak-anak, maka mereka terpaksa berusaha sedaya upaya untuk mendapatkan wang yang lebih walaupun dengan cara yang tidak dibenarkan oleh Lembaga.

Sebelum getah beku ini dijualkan kepada taukeh tertentu, peneroka ini bermaufakat antara satu sama lain dan membentuk satu kumpulan kecil yang terdiri dari 1 hingga 4 orang. Anggota kumpulan ini akan bekerjasama untuk menguruskan kerja-kerja ini hinggalah sampai ke peringkat pasaran. Untuk mendapat susu getah ini setengah peneroka tidak memungut ke semua susu getah yang mereka turis itu. Ada pula yang tidak mengikut peraturan yang dikenakan oleh Lembaga, iaitu mereka hanya dibenarkan menuris selama 15 hari dalam sebulan tetapi mereka telah mencuri menuris selama 20 hari. Getah yang telah dibekukan dijual kepada peraih yang tinggal di Sungai Lampong, Selama. Peraih ini dianggap sebagai 'middle man' kepada peneroka tadi. Getah ini akan dijual atau dibawa kepada 'middle man' ini pada waktu subuh atau menghanyutkannya melalui sungai yang terdapat di rancangan itu. Pernah di suatu masa dahulu peneroka-peneroka ini telah membawa getah sekerap dan getah beku ini dengan sebuah kereta tetapi mereka telah ditangkap oleh penolong pengurus sendiri. Peneroka-peneroka ini kemudiannya digantung dari menuris selama dua minggu. Berikutan dengan peristiwa

University of Malaya

penangkapan ini tayar kereta penolong pengurus telah dibakar sebagai membalas dendam.

Harga getah sekerap yang dibeli oleh 'middle man' ini adalah lebih mahal daripada harga getah sekerap yang dibeli oleh Lembaga. Ini dapat dilihat dalam jadual 12.

JADUAL 12

HARGA GETAH SEKERAP DI RKT. IJOK - MARCH 1973

| Jenis Peringkat | Getah | Sekerap |
|---|---|---|
| Peringkat I | 49.593 sen | 26.619 sen |
| Peringkat II | 49.780 sen | 26.709 sen |
| Peringkat III | 49.037 sen | 26.3 sen |

Jadual 12 menunjukkan harga getah dan sekerap yang dijual pada Lembaga mengikut peringkat-peringkat. Didapati bahawa harga getah di peringkat ke II adalah lebih tinggi daripada harga di peringkat I dan III walaupun perbezaannya tidak begitu besar. Ini disebabkan mutu getah yang dikeluarkan adalah baik. Kalau dibandingkan harga getah sekerap yang dijual pada Lembaga dengan harga yang dijual di luar rancangan adalah lebih tinggi iaitu 27 sen satu pound. Walaupun perbezaan harganya adalah kecil, hanya 0.381 sen tetapi peneroka ini lebih suka menjual kepada taukeh di luar rancangan. Ini disebabkan mereka hendak mendapat wang dengan serta merta bagi menampung perbelanjaan terutama bagi mereka yang mempunyai tanggungan yang ramai.

University of Malaya

Dengan berbuat demikian mereka juga dapat mengelakkan dari pemotongan hutang yang akan dibuat oleh Lembaga andainya dijual pada Lembaga. Tindakan yang diambil oleh Lembaga bagi menghukum peneroka yang melakukan penjualan getah ini adalah tidak tegas. Ini menggalakkan lagi peneroka melakukan perbuatan seumpama itu.

Untuk mencegah daripada berlakunya penyelewengan ini kakitangan Lembaga sentiasa menjalankan pengintipan. Pulis yang bertugas di rancangan ini juga diberi tugas untuk menangkap peneroka yang membawa getah beku untuk dijual di luar rancangan. Hasil daripada kerjasama antara mereka pada bulan Mei yang lalu sebuah lori yang berisi dengan getah sekerap dari tanah rancangan telah ditahan di Sungai Lampong, iaitu tempat di mana peneroka ini menjual getah mereka. Walaupun orang-orang yang terlibat ditangkap tetapi pembicaraan tidak dapat dijalankan kerana Lembaga sendiri tidak mengeluarkan undang-undang bagi menghukum peneroka yang melakukan penyelewengan ini. Peneroka yang bersalah itu hanya diikat jamin selama 6 bulan tidak melakukan kerja-kerja seperti itu lagi, tetapi oleh kerana kawasan ladang getah ini terlalu luas kawalan secara ketat tidak dapat dilakukan. Ini mungkin menyebabkan peneroka itu akan terus melakukan kerja seumpama itu selagi Lembaga tidak mengeluarkan undang-undang yang tegas.

(b) <u>Peranan Kedai Sebagai Pusat Pasaran</u>

Di atas tadi telah dibicarakan tentang penjualan atau pemasaran hasil getah yang dikeluar oleh peneroka. Telah dilihat dalam soal ini Lembaga memainkan peranan penting. Di samping itu telah dibincangkan juga mengenai penjualan getah beku secara haram yang dilakukan oleh peneroka yang tidak berpuas hati dengan pendapatan yang mereka perolehi dan juga untuk mendapat pendapatan yang lebih.

University of Malaya

Peneroka-peneroka yang tinggal di tanah rancangan ini di samping menjalankan pekerjaan utama iaitu menuris getah mereka juga melakukan kerja-kerja sambilan (lihat tajuk pekerjaan sambilan). Hasil daripada projek ekonomi yang dijalankan oleh peneroka ini adalah menjadi bahan pengeluaran tambahan peneroka-peneroka ini. Hasil pengeluaran ini telah dipasarkan di kedai-kedai yang terdapat di tanah rancangan ini. Di sini kedai adalah memainkan peranan sebagai pusat memasarkan barang-barang keluaran peneroka di samping menjadi pusat tumpuan peneroka untuk membeli barang-barang keperluan mereka.

Hasil-hasil projek ekonomi seperti pisang, ubi kayu, keladi telah dipasarkan di kedai-kedai yang berjumlah tujuh buah itu. Di sini pekedari-pekedai adalah selaku orang tengah atau pemborong bagi membeli hasil tanaman yang dijual oleh peneroka-peneroka tadi dan menjual semula kepada pembeli-pembeli yang memerlukannya. Jadi peneroka-peneroka ini tidak menjual terus hasil pengeluaran mereka kepada pengguna-pengguna tetapi adalah melalui pemborong atau pekedai tadi. Harga yang dibayar kepada pengeluar adalah mengikut harga pasaran tempatan. Ada juga di antara peneroka yang tidak menjual barang-barang keluaran mereka kepada pekedai tetapi secara terus kepada pengguna-pengguna. Jenis barang-barang yang dijual secara ini ialah, telur ayam, ikan lampam yang dipelihara oleh peneroka ini dan anak benih buah-buahan yang ditut atau dikahwinkan.

Selain daripada memainkan peranan membeli hasil keluaran daripada peneroka untuk dipasarkan, pekedai-pekedai ini juga menjual barang-barang keperluan hari-hari seperti beras, gula, tepung, minyak, barang dalam tin serta alatan untuk menulis. Pekedai-pekedai juga

menjual ikan, sayur dan buah-buahan tempatan. Oleh sebab pekedai ini menjual barang yang sama jenisnya, maka ujudlah persaingan antara satu sama lain. Mereka ini berlumba-lumba untuk mendapat pembeli yang ramai. Walau bagaimanapun pembeli yang mempunyai hubungan kekeluargaan atau sahabat baik kepada pekedai akan menumpukan perhatian mereka ke kedai-kedai yang berkenaan. Hubungan kekeluargaan di sini bukanlah hubungan yang dekat tetapi adalah jauh kerana peserta-peserta yang dipilih memasuki tanah rancangan ini bukanlah berdasarkan kepada tali kekeluargaan. Selain daripada itu kedai yang baru dibuka dan mempunyai barang yang banyak adalah mendapat perhatian daripada pembeli. Mereka akan menumpu ke kedai itu walaupun mereka masih berhutang kepada pekedai-pekedai yang lain.

Harga barang-barang yang dijual di Rancangan Kemajuan Tanah ini adalah sama dengan harga barang yang dijual di luar tanah rancangan dan di kedai runcit LKTP. Sungguhpun begitu ada juga peneroka-peneroka yang mengambil barang keperluan mereka di kedai luar dari tanah rancangan. Mereka ini adalah tergolong dalam golongan orang-orang yang berada. Pendapatan yang diterima adalah tinggi, kehidupan mereka adalah mewah serta memiliki rumah yang besar dan lengkap. Mereka ini menjalankan kerja di luar rancangan.

Kedai-kedai barang runcit yang terdapat di Rancangan Kemajuan Tanah ini di samping berfungsi sebagai tempat untuk peneroka menjual dan membeli barang, kedai-kedai ini juga berfungsi sebagai tempat untuk menemukan peneroka-peneroka dan hubungan antara peneroka dan pekedai ini dapat terjalin dengan irat dan mesra, begitu juga dengan hubungan di antara peneroka sesama mereka. Di kedai-kedai ini peneroka

University of Malaya

akan berhimpun menghabiskan masa lapang mereka terutamanya dihari hujan. Mereka ini selalu berkumpul di kedai kopi yang terletak di antara kedai-kedai barang runcit tadi, di samping membaca akhbar mereka ini akan berbincang dan bertukar-tukar fikiran mengenai keadaan kehidupan mereka terutama tentang kenaikan harga barang di mana mereka menganggap bahawa golongan kelas bawahan seperti merekalah merasai kesan yang lebih buruk dari kenaikan harga barang-barang itu.

(c) Peranan Peniaga Luar di Rancangan Kemajuan Tanah Ijok

Pekedai-pekedai yang terdapat di tanah rancangan telah memainkan peranan bagi memenuhi keperluan hidup mereka. Selain daripada pekedai ini terdapat juga peniaga-peniaga dari luar Rancangan Kemajuan Tanah Ijok yang tinggal di pekan yang berhampiran seperti Selama datang menjalankan perniagaan mereka di kawasan tanah rancangan ini.

Peniaga-peniaga ini datang pada tiap-tiap minggu iaitu pada hari Khamis, Jenis barang-barang yang dijual ialah kain ela, kain batik serta baju-baju yang telah siap. Peniaga ini terdiri dari keturunan India. Beliau berhenti di tiap-tiap blok peringkat rancangan, di perkarangan rumah yang berhampiran dengan jalan dan menjadi tumpuan isteri peneroka. Isteri dan anak gadis peneroka berkumpul beramai-ramai untuk membeli kain baju ini. Keadaan seperti inilah yang memberi peluang kepada isteri-isteri peneroka berbual dengan jiran mereka dengan lebih mesra lagi. Tetapi terdapat juga situasi lain seperti semasa diadakan perjumpaan Gabungan Perkumpulan Perempuan (GPW) atau semasa di kelinik dan semasa berjalan untuk ke tempat kerja yang memberi peluang kepada mereka untuk berbual-bual. Dalam keadaan seperti ini juga memberi kesempatan kepada peniaga tadi untuk melariskan

barang-barang jualan mereka. Dengan cara 'face to face' ini peniaga sebagai 'communicator' akan menyampaikan 'idea' baru tentang jenis pakaian serta'fashion' yang sedang digemari oleh muda mudi di zaman ini untuk mempengaruhi isteri dan anak-anak gadis peneroka atau pembeli-pembelinya itu. Sementara itu didapati di antara mereka yang berkumpul itu tidak semuanya bertujuan untuk mendapatkan barang itu tetapi hanya untuk melihat-lihat sahaja. Mereka ini akan mempengaruhi orang yang akan membeli dengan memberi pandangan dan pendapat mereka. Oleh sebab tekanan-tekanan ini membuatkan mereka yang bertujuan untuk membeli itu akan terpengaruh juga. Di sini dapatlah dilihat bahawa motivasi untuk mendapat sesuatu itu adalah saling bergantungan antara satu sama lain.

'Tendency' untuk membeli barang-barang jualan peniaga itu bertambah lagi apabila peniaga ini membenarkan pembeli-pembelinya membeli secara hutang. Perbuatan yang dilakukan itu menyebabkan pembeli akan terikat dengan hutang kepada peniaga dan ini juga menyebabkan peniaga ini dapat datang ke tempat ini lebih kerap lagi. Akibat daripada ini juga menyebabkan peneroka akan dibebani dengan hutang. Perkara hutang ini akan diterangkan kemudian.

Dengan ini dapat dirumuskan bahawa peniaga-peniaga ini di samping menjual barang-barang perniagaannya telah membawa pembaharuan kepada peneroka-peneroka ini dari segi 'style of life' dan mengiratkan lagi hubungan antara isteri peneroka dengan penduduk setempat.

B. Pendapatan.

Jumlah pendapatan yang diterima oleh peneroka di Rancangan Kemajuan Tanah Ijok ini tidak bergantung semata-mata kepada penghasilan getah tetapi juga kepada kerja sambilan yang dilakukan oleh mereka. Dalam membincangkan tentang pendapatan peneroka ini, saya akan membahagikannya kepada dua peringkat.

(a) Pendapatan di peringkat awal.

(b) Pendapatan di peringkat penghasilan.

(a) Pendapatan di peringkat awal

Pendapatan di peringkat awal ini ialah bayaran yang diberikan kepada peneroka oleh Lembaga di peringkat mengawasi pokok getah. Semua peneroka akan diberi bayaran yang sama iaitu $69.60 sen sebulan. Bantuan sara hidup ini diberikan sehinggalah pokok getah yang diawasi itu dituris dan mengeluarkan hasil. Dalam masa menjalankan kerja-kerja mengawasi pokok getah, peneroka dibenarkan untuk melakukan kerja tambahan untuk menambahkan pendapatan yang mereka dapat itu. Tetapi tidak ramai peneroka yang melakukan kerja-kerja tambahan itu kerana pada peringkat ini mereka dikehendaki menumpukan sepenuh masa mereka untuk membersih kawasan ladang, kawasan rumah serta menanam sayur-sayuran. Jadi masa dan peluang untuk bekerja di tempat lain bagi menambah pendapatan adalah terhad. Ini ditambah lagi dengan bantuan yang diberikan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (W.H.O.) yang disalurkan melalui LKTP. Bantuan yang diberikan itu adalah merupakan tepung, ikan sadin dan teh. Peneroka-peneroka hanya dikehendaki membayar separuh harga sahaja iaitu mengikut harga pasaran.

University of Malaya

(b) Pendapatan di peringkat penghasilan

Peneroka-peneroka yang menerima bantuan sara hidup sebanyak $69.60 sebulan dari Lembaga itu adalah sebagai ganjaran supaya pokok getah yang ditanam itu dijaga dan diawasi dengan baik. Setelah pokok ini berumur antara 5 - 6 tahun dan sudah boleh dituris pemberian bantuan sara hidup itu diberhentikan. Penuris boleh menuris pokok getah untuk mendapatkan susu dan dijual. Hasil daripada pengeluaran getah ini memberi pendapatan kepada peneroka pada tiap-tiap bulan. Pada peringkat ini pendapatan yang diterima itu adalah berbeza antara satu sama lain seperti tercatit dalam jadual di 13.

JADUAL 13

TINGKAT PENDAPATAN KASAR PENEROKA RANCANGAN KEMAJUAN TANAH IJOK MENGIKUT PERINGKAT

| Jumlah Pendapatan ($) | Bilangan peneroka mengikut peringkat | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | Peringkat I | Peringkat II | Peringkat III | |
| $ 50 - 70 | 7 | 4 | 6 | 17 |
| $ 71 - 90 | 6 | 9 | 4 | 19 |
| $ 91 - 110 | 11 | 8 | 10 | 29 |
| $ 111 - 130 | 4 | 7 | 1 | 12 |
| $ 131 - 150 | 3 | 3 | - | 6 |
| $ 200 - 300 | 4 | 1 | 1 | 6 |
| $ 301 - 500 | 3 | - | 1 | 4 |
| | 38 | 32 | 23 | 93 orang |

University of Malaya

Jumlah pendapatan yang diterima oleh peneroka dari kesemua peringkat rancangan seperti yang tertera dalam jadual 13 itu bukanlah pendapatan bersih, tapi masih belum dibuat potongan hutang mereka kepada Lembaga dan kedai LKTP. Perlu juga diterangkan bahawa pendapatan yang diperolehi itu bukanlah berdasarkan kepada satu jenis pekerjaan sahaja, tetapi adalah berdasarkan kepada pekerjaan sambilan yang dilakukan oleh peneroka-peneroka. Jadual 14 akan menjelaskan lagi tentang kedudukan ini. Kalau diperhatikan jadual 13 didapati bahawa pendapatan yang diterima adalah berbeza-beza di antara satu sama lain. 17 orang mendapat sebanyak $50.00 - $70.00, 19 orang mendapat $71.00 - $90.00 dan 29 orang mendapat antara $91.00 - $110.00. Peneroka yang mendapat pendapatan antara $150.00 - $500.00 pula bukanlah bergantung semata-mata kepada kerja menuris, tetapi bergantung kepada pekerjaan sambilan yang mereka usahakan.

Dalam jadual 14 didapati bahawa 80.6% daripada peneroka yang ditemui itu mengerjakan kerja-kerja menuris getah, hanya sebahagian kecil sahaja iaitu 19.4% yang melakukan kerja-kerja tambahan untuk menambahkan pendapatan mereka. Perbezaan jumlah pendapatan yang diperolehi oleh peneroka yang bergantung kepada kerja-kerja menuris adalah disebabkan:-

(1) Bilangan pokok yang dituris itu adalah berbeza di antara seorang peneroka dengan peneroka-peneroka lain. Ada di antara peneroka ini yang mempunyai 140 batang pokok dalam satu lot kesuburan pokok getah ini juga menyebabkan hasil yang dikeluarkan adalah berbeza.

University of Malaya

JADUAL 14

JENIS PEKERJAAN DAN PENDAPATAN PENEROKA-PENEROKA RANCANGAN KEMAJUAN TANAH IJOK

| Jenis Pekerjaan | Jumlah Pendapatan ($) | | | | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 50 - 70 | 71 - 90 | 91 - 110 | 111-130 | 131-180 | 200-300 | 300-500 | |
| Menuris getah | 17 | 19 | 26 | 10 | 3 | - | - | 75 |
| Menuris & kerja sendiri | - | - | 3 | 1 | 3 | - | - | 7 |
| Menuris & pencen | - | - | - | 1 | - | 2 | - | 3 |
| Menuris & berniaga | - | - | - | - | - | 3 | 4 | 7 |
| Pawah & berniaga | - | - | - | - | - | 1 | - | 1 |
| | 17 | 19 | 29 | 12 | 6 | 6 | 4 | 93 |

University of Malaya

(2) Tata tertib menuris juga mempengaruhi banyaknya hasil yang dikeluarkan.

(3) Jenis klon yang berbeza. Di RKT Ijok klon di peringkat I adalah jenis RRIM 605 = 50% dan RRIM 512 = 50%. Di peringkat II jenis klonnya ialah PR 107 = 30%, RRIM 623 = 40% dan RRIM 513 = 30%.

Di Rancangan Kemajuan Tanah Ijok ini didapati 66.6% daripada peneroka-peneroka adalah menerima pendapatan di antara $50 - 110 sebulan. Kalau dibandingkan dengan matalamat Lembaga iaitu pendapatan bulanan peneroka adalah dijangkakan dari $300.00 - $600.00 sebulan, pendapatan yang diterima oleh peneroka ini adalah rendah. Ini disebabkan oleh keadaan ilmu alam kawasan Ijok sendiri. Peneroka tidak dapat menjalankan kerja-kerja penurisan sepanjang tahun disebabkan oleh hujan. Dalam tahun 1970, jumlah taburan hujan adalah 158.41 inci, 1971, 155.53 inci dan dalam tahun 1972, 157.52 inci. Keadaan ilmu alam ini juga menyebabkan pendapatan harian peneroka ini berbeza. Kadang-kadang susu getah ini keluar banyak dan kadang-kadang sedikit. Selain daripada itu struktur pasaran di mana harga getah adalah turun naik menyebabkan peneroka mendapat pendapatan yang tidak tetap kerana harga getah juga menentukan jumlah pendapatan yang diperolehi oleh peneroka. Dengan ujudnya faktur yang disebutkan di atas itu harapan peneroka untuk mendapat pendapatan seperti yang diharapkan oleh Lembaga tidak mungkin akan tercapai.

Pekerjaan sambilan yang dilakukan oleh peneroka juga menyebabkan pendapatan antara peneroka ini berbeza. Peneroka yang terlibat dalam pekerjaan sambilan ini hanya 19.4% sahaja daripada peneroka yang

ditemui. Jenis pekerjaan yang dilakukan oleh mereka ialah berniaga, bekerja di luar rancangan, menyertai projek ekonomi dan bekas tentera dan pulis yang menerima pencen. Sebelum memasuki tanah rancangan ini mereka adalah terdiri daripada bekas tentera dan pulis dan berniaga. Apabila memasuki tanah rancangan ini, mereka meneruskan perniagaan mereka dan bagi mereka yang bekerja sebagai pulis, menggunakan wang simpanan untuk dijadikan modal. Pendapatan yang diperolehi adalah di antara $200.00 - $300.00 sebulan. Mereka yang mendapat pendapatan sebanyak ini, kehidupan mereka adalah dianggap berada. Mereka mempunyai kemampuan untuk menghantar anak-anak mereka belajar ke Sekolah Inggeris. Dalam komuniti ini, status mereka adalah tinggi iaitu berdasarkan kepada faktur pekerjaan serta tanggungjawab yang dipegang iaitu dalam menggerakkan aktiviti sosial dan ekonomi seperti menubuhkan Syarikat Kerjasama Serbaguna, Syarikat Khairat Kematian dan UMNO.

Kalau dipandang dari faktur asal usul peneroka-peneroka yang melakukan kerja sambilan untuk mendapat pendapatan yang lebih tadi, didapati bahawa kemewahan hidup yang mereka rasai itu, bukanlah seratus peratus bergantung kepada pokok getah tadi, tetapi adalah hasil dari wang yang mereka simpan di masa di kampung asal. Di sini pendapatan dari penghasilan getah sahaja tidak boleh dijadikan sebagai ukuran bagi menentukan 'standard of living' peneroka ini.

C. <u>Pemotongan hutang</u>

Sebenarnya pendapatan yang diperolehi oleh peneroka pada tiap-tiap bulan (seperti dalam jadual 13) bukanlah pendapatan yang bersih tetapi masih belum ditolak dengan hutang peneroka kepada Lembaga.

University of Malaya

Hutang yang perlu dibayar oleh peneroka kepada Lembaga ini dapat dibahagi kepada dua:-

(a) Hutang kepada kedai LKTP.

(b) Hutang besar kepada Lembaga.

(a) <u>Hutang kepada kedai runcit LKTP</u>.

Tujuan Lembaga mendirikan sebuah kedai runcit LKTP di tiap-tiap tanah rancangan yang dibuka adalah untuk memberi kemudahan kepada peneroka membeli barang keperluan mereka. Kedai ini telah dikelolakan oleh seorang pengurus dan empat orang pembantu.

Kedai ini menjual semua jenis barang keperluan harian seperti beras, gula, tepung, minyak, makanan dalam tin, keperluan untuk menuris seperti pisau turis, baldi, kasut getah serta alat-alat seperti cangkul dan parang ada dijual. Peruntukan yang diberi kepada kedai ini ialah sebanyak $30,000.00 sebulan. Kedai ini dibuka enam hari dalam seminggu dari jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang. Hampir seratus peratus penduduk Rancangan Kemajuan Tanah ini membeli dengan cara berhutang. Kira-kira hutang ini ditulis dalam buku khas. Sebuah buku kecil diberi kepada orang yang berhutang untuk disimpan.

Tiap-tiap peserta hanya dibenarkan mengambil hutang sebanyak $50.00 sebulan. $30.00 di awal bulan dan kemudiannya sebanyak $20.00. Ada juga peneroka yang kurang daripada $50.00 dan ada juga yang tidak mengambil hutang di kedai ini. Ini dapat dilihat dalam jadual 15.

Jadual 15 menunjukkan bahawa 78.5% daripada peneroka-peneroka ini mengambil hutang di antara $41 - $50 sebulan, 8.6% yang berhutang sebanyak $31 - $40 sebulan. Peneroka-peneroka yang berhutang di antara $15.00 - $30.00 ini sebenarnya adalah terdiri dari mereka yang telah

University of Malaya

JADUAL 15

JUMLAH HUTANG PENEROKA DI KEDAI RUNCIT LKTP

| Jumlah Hutang ($) | Bil. Peneroka |
|---|---|
| 0 (tidak berhutang) | 5 |
| $ 15 - 20 | 2 |
| $ 21 - 25 | 1 |
| $ 26 - 30 | 4 |
| $ 31 - 35 | 5 |
| $ 36 - 40 | 3 |
| $ 41 - 45 | 10 |
| $ 46 - 50 | 63 |
| Jumlah | 93 orang |

mengambil hutang yang lebih daripada yang dihadkan pada bulan yang lalu. Pada bulan berikutnya mereka hanya dibenarkan mengambil hutang tidak melebihi daripada yang dihadkan iaitu setakat jumlah pendapatan bersih pada bulan yang lepas. Mereka yang berbuat demikian terpaksa pula mengisi borang yang dikhaskan. Peneroka-peneroka ini walaupun diasuh mengikut peraturan-peraturan tertentu, tetapi mereka tidak pula dipaksa untuk berhutang di kedai Lembaga. Dengan ini didapati peneroka-peneroka yang berkemampuan, tidak mengambil hutang di kedai LKTP. Tetapi membeli barang-barang keperluan mereka di luar rancangan iaitu di Pekan Kubu Gajah. Hanya 5 orang sahaja daripada 93 peneroka yang ditemui berbuat demikian.

University of Malaya

Oleh kerana peneroka-peneroka ini hanya dibenarkan mengambil hutang sebanyak $50.00 sebulan, maka potongan hutang di kedai ini akan dilakukan pada tiap-tiap bulan setelah pendapatan dari hasil getah mereka perolehi.

(b) Hutang besar kepada Lembaga.

Baki pendapatan yang diperolehi oleh peneroka-peneroka ini setelah ditolak sebanyak $50.00 bagi menjelaskan hutang kepada Lembaga adalah diuntukkan bagi perbelanjaan harian serta persekolahan anak-anak.

Peneroka-peneroka ini mesti membayar semula harga tanah, rumah, anak benih, baja, serta alat yang digunakan dan bayaran sara hidup di peringkat mengawasi pokok getah dahulu. Pembayaran dibuat dengan memotong pendapatan yang diterima hasil daripada pengeluaran getah ia-itu berdasarkan jumlah pendapatan yang diperolehi.

Potongan yang dilakukan adalah separuh daripada pendapatan selepas $70.00 yang diterima. Katakan peneroka X mendapat $150.00 pada bulan April. $50.00 dipotong untuk kedai LKTP. $80.00 yang baki akan dibahagi dua $40.00 untuk dibayar kepada Lembaga dan $40.00 untuk perbelanjaan peneroka. Selain daripada membayar hutang kepada Lembaga dan kedai, peneroka yang terpaksa membayar yuran tetap seperti yuran kepada Tabung Khairat Kematian dan UMNO 60 sen dan Syarikat Kerjasama Serbaguna sebanyak $1.00. Selain daripada itu peneroka juga terpaksa membayar hutang kepada peniaga yang masuk ke rancangan untuk menjual kain baju. Contoh yang diberikan itu adalah bagi peneroka yang mendapat hanya $70.00 atau $90.00 sebulan. Akibat daripada inilah menyebabkan ramai peneroka-peneroka yang menyeludup getah sekerap dan membekukan susu getah untuk dijual di luar rancangan.

Berdasarkan pada pendapatan yang diperolehi oleh peneroka yang kebanyakan bekerja sebagai penuris getah (Jadual 14) dapatlah dikatakan yang kehidupan peneroka ini tidaklah semewah yang diharapkan. Kebanyakan daripada peneroka-peneroka ini mendapat pendapatan bersih yang rendah iaitu di antara $30.00 - $40.00 sebulan. Pendapatan yang sebanyak ini adalah tidak mencukupi terutama bagi peneroka-peneroka yang mempunyai bilangan anak yang ramai dan sedang bersekolah pula. Oleh sebab isteri-isteri peneroka ini telah dipengaruhi oleh unsur-unsur kemodenan seperti memilih perabut-perabut rumah yang lengkap, mereka sering berlumba untuk menghiasi rumah dengan perabut yang indah bagi menarik perhatian jiran-jiran yang baru datang. Mereka yang berbuat demikian itu menganggap bahawa alat-alat kelengkapan itu memberi 'prestige' kepada mereka. Ini menyebabkan pendapatan yang diperolehi dibelanjakan juga untuk tujuan ini. Dengan ini didapati peneroka di Rancangan Kemajuan Tanah ini masih lagi mengamalkan unsur-unsur yang terdapat di kampung asal seperti yang disebutkan itu. Soal-soal 'conspicuous consumption' dan 'competition' seperti memiliki alat-alat atau perabut rumah dan pertandingan di antara isteri peneroka ini dengan jiran-jiran mereka seperti yang dikatakan oleh M.G.S. Swift sebagai satu finomina yang nyata dalam masyarakat Melayu kampung[6] terdapat di Rancangan Kemajuan Tanah Ijok ini.

---

[6] Swift M.G. - Economic Concentration and Malay Peasant Society, (ed) Freeman, Malay Social Organization, 1967.

University of Malaya

D. Perbelanjaan (Penggunaan)

Peneroka-peneroka di Rancangan Kemajuan Tanah ini sering menghadapi masaalah perbelanjaan yang tidak mencukupi untuk menanggung anggota rumah terutama bagi mereka yang mempunyai anak-anak yang bersekolah. Masaalah mendidik anak-anak adalah menjadi satu perkara yang paling mendesak bagi kebanyakan peneroka. Masa pertukaran darjah, wang banyak diperlukan untuk membeli buku dan alat-alat tulis. Oleh kerana di kawasan ini tidak mempunyai sekolah menengah, anak-anak mereka terpaksa dihantar ke Sekolah Menengah di Pekan Selama yang letaknya 14 batu dari Rancangan Kemajuan Tanah Ijok. Selain daripada perbelanjaan untuk persekolahan anak-anak, peneroka juga menggunakan pendapatan itu untuk perbelanjaan harian. Jumlah perbelanjaan yang digunakan oleh peneroka pada tiap-tiap bulan dapat dilihat dalam jadual 16.

JADUAL 16

PERBELANJAAN PENEROKA MENGIKUT BILANGAN ANGGOTA RUMAH

| Jumlah Perbelanjaan | Bilangan Anggota Keluarga | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | 1-3 | 4-7 | 8-11 | |
| $ 70 - 100 | 10 | 39 | 3 | 32 |
| $101 - 150 | - | 21 | 7 | 28 |
| $151 - 200 | - | 5 | 3 | 8 |
| $200 - 250 | 1 | 3 | 1 | 5 |
| | 11 | 68 | 14 | 93 orang |

University of Malaya

Dalam jadual 16 didapati bahawa 55.9% daripada peneroka-peneroka yang menggunakan pendapatan mereka berjumlah antara $70.00 - $100.00 sebulan, 30.1% berbelanja sebanyak $101.00 - $150.00 sebulan. Walaupun terdapat 13.9% daripada peneroka ini berbelanja antara $151.00 - $200.00 sebulan, mereka ini bukanlah bergantung semata-mata kepada penghasilan getah tetapi juga kepada pekerjaan sambilan. Mereka ini dapatlah digolongkan dalam golongan kelas atasan dalam komuniti ini iaitu berdasarkan atas ukuran pendapatan, perbelanjaan serta perabut rumah yang terdapat dalam rumah mereka.

Kalau dibandingkan dari segi bilangan anggota rumah yang ditanggung oleh peneroka ini didapati 39 orang mempunyai bilangan keluarga antara 4 hingga 7 orang dan berbelanja sebanyak $70.00 - $110.00 sebulan. Pendapatan yang berjumlah sebanyak ini sebenarnya tidak mencukupi. Perbuatan menggadai barang-barang kemas yang ada, menipu Lembaga dengan menjual getah sekerap kepada peraih di luar rancangan adalah menifestasi dari masaalah perbelanjaan ini. Keadaan seperti ini terjadi kerana sikap peneroka yang ingin hidup mewah tetapi tidak mahu bekerja lebih.

E. Tabungan (Simpanan)

Tabungan hanya boleh dibuat andainya peneroka-peneroka ini mempunyai kelebihan pendapatan setelah berbelanja. Kalau ditilik dari pendapatan bulanan hasil pengeluaran getah yang diperolehi oleh peneroka Rancangan Kemajuan Tanah Ijok, kemungkinan untuk menabung adalah tipis. Sungguhpun begitu terdapat juga sebilangan peneroka-peneroka yang ditemui membuat simpanan. Daripada 93 orang yang ditemui terdapat 20 peneroka yang menyimpan, iaitu di Pejabat Pos, Bank,

E.P.F. (Kumpulan Wang Pekerja). Mereka yang menyimpan ini dapat digolongkan dalam dua golongan:-

(1) Golongan penuris getah.

(2) Golongan peneroka yang menuris dan menjalankan kerja sambilan termasuk peniaga dan mereka-mereka yang menerima wang pencen.

Golongan penuris getah ini membuat simpanan apabila mereka mempunyai kelebihan dari perbelanjaan. Daripada 20 orang yang menyimpan itu, hanya 7 orang sahaja dan jumlah simpanan adalah di antara $200.00 - $500.00. Bagi golongan peneroka yang menjalankan kerja sambilan terdapat 8 orang yang melakukan simpanan. Jumlahnya di antara $500.00 - $1000.00. Selain daripada itu terdapat 5 orang peneroka yang sebelum memasuki tanah rancangan dahulu bekerja sebagai anggota tentera dan pulis, serta yang bekerja di Pejabat Kerajaan mempunyai simpanan di E.P.F. (Kumpulan Wang Pekerja). Mereka yang menyimpan ini adalah terdiri dari orang-orang yang mempunyai kesedaran tentang masa hadapan mereka serta kepentingan pelajaran anak-anak di masa hadapan. Dua orang daripada mereka ini menyimpan untuk menunaikan Fardhu Haji di Mekah.

Selain daripada yang disebutkan itu, peneroka-peneroka juga membuat simpanan tetapi dalam bentuk barang kemas. Terdapat 58 orang yang membuat simpanan secara ini. Hasil dari perbualan saya dengan peneroka-peneroka mengenai simpanan dalam bentuk barang-barang kemas ini didapati bahawa peneroka lebih suka menyimpan secara ini kerana di samping dapat digunakan di masa kesempitan wang, barang kemas ini dapat dijadikan hiasan terutama bagi isteri-isteri yang menganggap

University of Malaya

barang-barang kemas itu memberi 'prestige' kepada mereka.

Berdasarkan pada pekerjaan pendapatan, perbelanjaan, dan tabungan yang dibuat oleh peneroka-peneroka ini dapatlah dibahagikan penduduk-penduduk yang tinggal dalam komuniti kepada tiga golongan:-

(a) Golongan orang yang berada. Mereka ini terdiri daripada peneroka-peneroka yang melakukan pekerjaan sambilan, di samping menuris di mana pendapatan yang diperolehi adalah tinggi dan mendiami rumah-rumah yang dibesarkan serta lengkap dengan perabut rumah.

(b) Golongan pertengahan - terdiri daripada mereka yang menuris dan menjalankan kerja sambilan secara kecilan, pendapatan yang diperolehi adalah sederhana tetapi membuat tabungan.

(c) Golongan bawahan yang hidup mereka semata-mata mengharapkan kepada kerja-kerja menuris getah. Pendapatan yang diperolehi adalah rendah.

Walaupun penduduk-penduduk dalam komuniti ini dikelaskan dalam tiga golongan berdasarkan pada pendapatan, pekerjaan, perbelanjaan dan simpanan, tetapi mereka yang tergolong dalam kelas orang yang berada itu tidak boleh dianggap mempunyai status yang tinggi dan golongan bawahan mempunyai status yang rendah. Ini disebabkan penentuan atau penilaian status seseorang itu adalah berdasarkan faktur subjektif atau pandangan kita terhadap nilai, sikap, serta kepercayaan seseorang dalam sesuatu komuniti itu. Asas penentuan status berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat lain dan dari satu masa ke

satu masa.[7]

Di Rancangan Kemajuan Tanah Ijok ini, penentuan status dalam komuniti ini adalah berdasarkan kepada mereka yang mempunyai peribadi tinggi, tidak sombong serta suka memberi pertolongan kepada yang memerlukannya. Selain daripada itu mereka yang berpegang kuat kepada ugama seperti Tok Imam, guru ugama adalah dihormati dan disegani. Mereka yang memegang peranan penting dalam pertubuhan-pertubuhan yang terdapat dalam rancangan atau yang mempunyai tanggungjawab terhadap perjalanan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah dihormati. Akhirnya mereka yang mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh juga dipandang tinggi. Daripada huraian yang diberikan itu dapatlah dirumuskan bahawa status seseorang dalam masyarakat Rancangan Kemajuan Tanah Ijok ditentukan oleh:-

(1) Keperibadian.
(2) Ugama.
(3) Tanggungjawab.
(4) Kedudukan Ekonomi.

Jadi di sini tidak semestinya mereka yang mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh atau mempunyai pendapatan yang lebih atau mereka yang hidup mewah itu mempunyai status yang tinggi.

---

[7] Mac Iver & Page - Society, An Introductory Analysis, The Mac Millan London 1965. M.S. 353.

## BAB IV

## PERTUBUHAN EKONOMI DAN SOSIAL RKT IJOK

Dalam sebuah komuniti yang dirancangkan oleh Kerajaan walaupun aktiviti ekonomi digerakkan mengikut peraturan yang 'formal' dengan jadual, tertentu misalnya dalam menjalankan pekerjaan, pehak Lembaga tidak pula menguatkuasakan peraturan ini dalam semua keadaan tanpa menghiraukan faktor lain. Di samping bekerja di ladang getah peneroka juga digalakkan menubuhkan pertubuhan-pertubuhan tertentu seperti pertubuhan ekonomi dan sosial yang boleh mendatangkan faedah pada peneroka-peneroka. Di RKT ini terdapat beberapa buah pertubuhan seperti pertubuhan Syarikat Kerjasama Serbaguna, Syarikat Setia Jaya Bakti, Pertubuhan Belia, Gabungan Perkumpulan Wanita, Syarikat Khairat Kematian dan UMNO.

(a) Pertubuhan Ekonomi

(a) Syarikat Kerjasama Serbaguna

Syarikat Kerjasama Serbaguna ini telah ditubuhkan pada tahun 1968 di bawah naungan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Sebelum syarikat kerjasama ini ditubuhkan telah terdapat satu pertubuhan iaitu pertubuhan Persatuan Peladang. Semua peneroka-peneroka telah diwajibkan untuk menjadi ahli persatuan ini dan dipungut sebanyak $4.00 seorang. Persatuan ini telah dikelolakan oleh sebuah jawatankuasa yang dilantik oleh ahlinya sendiri. Setelah wang persatuan ini sudah ter-

University of Malaya

kumpul sebanyak $7,000.00 persatuan ini telah menjalankan projek penanaman ubi kayu di kawasan seluas 30 ekar yang terletak di Kubu Gajah. Tetapi persatuan ini telah mendapat kerugian disebabkan pemimpin yang dari jawatankuasa yang dilantik tidak menjalankan tugas mereka dengan betul. Mereka ini lebih memetingkan diri masing-masing. Ahli-ahli persatuan ini menganggap bahawa ahli-ahli jawatankuasa yang dilantik itu tidak menjalankan kerja. Segala aktiviti-aktiviti yang dilancarkan tidak diberitahu kepada semua ahli. Dengan ini berlaku kucar kacir di antara mereka hingga akhirnya membawa kepada pembubarannya dengan alasan bahawa persatuan ini telah mendapat kerugian. Dengan pembubaran ini semangat peneroka untuk bersatu bagi mengujudkan satu kelompok masyarakat yang mempunyai keperluan tertentu atau 'interest group' telah tipis semua sekali.

Dalam tahun 1968 hasil daripada rundingan yang dibuat oleh jawatankuasa tertinggi MPKR sebuah pertubuhan yang dinamakan Syarikat Kerjasama Serbaguna telah ditubuhkan. Ahli-ahli yang menganggotai syarikat ini terdiri dari semua peneroka dan mereka ini dikenakan yuran sebanyak $1.00 sebulan bagi mereka yang sudah menuris dan 80 sen bagi mereka yang belum menuris. (Semasa kajian dilakukan peneroka di peringkat IV belum lagi menuris). Pada peringkat permulaannya syarikat ini kurang mendapat layanan daripada peneroka. Kebanyakan daripada mereka tidak mahu menjadi ahli. Ini mungkin disebabkan oleh rasa kurang percaya kepada sifat pemimpin masih menebal di sanubari mereka. Tetapi dengan tertubuhnya sebuah jawatankuasa penaja, masyarakat dalam komuniti ini sudah mula sedar akan hakikat sebenarnya pertubuhan yang bertujuan untuk memberi kemudahan kepada ahlinya, misalnya kemudahan

dalam bentuk pinjaman wang bagi ahli-ahli yang terdesak. Tetapi setakat ini masih belum ada lagi peneroka yang membuat pinjaman seperti itu. Pada tahun 1971 pertubuhan Syarikat Kerjasama Serbaguna ini telah diresmikan. Dengan wang yang terkumpul sebanyak $9,000.00 Syarikat ini telah berjaya membeli sebuah teksi. Teksi ini telah dipandu oleh seorang ahli dengan cara menyewa. Penyewa teksi ini dikehendaki membayar $10.00 sehari kepada syarikat. Sekiranya berlaku kerosakan bernilai lebih daripada $200.00 adalah atas tanggungan syarikat. Tetapi kalau kurang daripada $200.00 adalah tanggungjawab penyewa sendiri untuk membayarnya. Dengan adanya teksi ini dapat memberi kemudahan kepada peneroka yang hendak keluar daripada tanah rancangan ini dengan lebih cepat lagi terutama di masa kecemasan. Selain daripada itu penyewa teksi ini juga dapat menambahkan pendapatan di samping mendapat hasil dari ladang getah yang dikerjakan oleh isteri dengan bantuan anak-anaknya. Pada masa ~~ini~~, kajian ini dijalankan, syarikat ini mempunyai simpanan sebanyak $3,000.00. Hasil daripada mesyuarat yang diadakan syarikat ini telah bercadang untuk membeli sebuah bas sekolah bagi memudahkan anak-anak ahlinya berulang alik ke sekolah Menengah yang terletak di Pekan Selama.

Kalau ditinjau tentang kejayaan syarikat ini punca yang membawa ke arah kejayaan ini adalah bergantung pada pimpinan yang dijalankan dan adanya kerjasama dari ahli-ahlinya sendiri. Hasil daripada kajian yang dilakukan didapati pemimpin-pemimpin pertubuhan ini adalah terdiri daripada mereka yang sudah mempunyai pengalaman dalam soal ini. Mereka juga mempunyai status dalam komuniti ini dan sentiasa dihormati dan disegani oleh anggota masyarakat. Oleh kerana mereka ~~usaha~~ tahu mene-

University of Malaya

gakkan status dan sentiasa mendapat kepercayaan dari ahli-ahlinya, segala kerja yang dilakukan ditimbang dan diteliti dahulu sebelum diputuskan. Apabila pemimpin ini dapat mempengaruhi ahli-ahlinya maka dengan lebih mudah lagi mereka mendapat kerjasama daripada ahli-ahli bagi menjayakan sesuatu yang dirancangkan itu. Di sini dapatlah disimpulkan bahawa kejayaan syarikat ini adalah bergantung kepada pemimpin yang menjalankannya.

(b) Syarikat Setia Jaya Bakti

Syarikat Setia Jaya Bakti ini adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan dengan dianggotai oleh 9 orang peserta dari RKT Ijok dan 6 peserta dari luar RKT ini. Syarikat ini ditubuh untuk mengendalikan perusahaan kayu balak. Ini menunjukkan interaksi dengan masyarakat luar komuniti adalah irat hingga dapat membentuk sebuah syarikat. Syarikat yang ditubuhkan ini adalah bertujuan untuk meninggikan taraf ekonomi anggota-anggota iaitu berdasarkan kepada keperluan ekonomi atau 'groups based on economic interest.'[17]

Modal yang dikeluarkan untuk menubuhkan syarikat ini berjumlah $15,000.00. Tiap-tiap ahli mengeluarkan modal sebanyak $1,000.00 seorang. Dengan semangat dan azam yang kuat syarikat ini telah memperolehi kejayaan. Dengan keuntungan yang diperolehi syarikat ini telah memiliki sebuah 'bulldozer' dan lain-lain alat menebang. Dahulunya alat-alat ini disewa dari taukeh Cina. Syarikat ini telah

---

[17] Prf. Dr. Koentjaraningrat: Pengantar Antropoloji, Pustaka Antara Kuala Lumpur 1970 - m.s. 93.

University of Malaya

diberi tender untuk membersih kawasan hutan rimba di kawasan Pondok Tanjung yang sekarang ini telah digunakan peraturan belia untuk menanam ubi kayu. Selain daripada itu syarikat ini juga telah membersih kawasan tanah dusun untuk peneroka RKT Lasah dan RKT Ijok sendiri. Semasa kajian dilakukan Syarikat Setia Jaya Bakti ini sedang menjalankan kerja membersih hutan dan memecah batu di Sungai Jernih Ijok yang terletak 9 batu dari RKT Ijok bagi membena jalan ke Kroh Perak.

Pekerja-pekerja yang bekerja dengan syarikat ini terdiri daripada anak-anak peneroka tetapi jumlahnya dihadkan iaitu seramai 8 orang. Ini mengurangkan masaalah pengangguran. Selain daripada mereka ini pekerja-pekerja terdiri daripada bangsa Cina. Jenis kerja yang dijalankan ialah, menebang dan menarik kayu keluar. Dengan pengambilan pekerja dari berbagai kaum ini maka ujudlah hubungan antara kelompok ras.

Peserta-peserta yang menganggotai syarikat ini adalah terdiri daripada mereka yang digolongkan dalam kelas orang berada. Modal asas yang dikeluarkan oleh peserta-peserta ini bukanlah wang simpanan hasil daripada menuris getah tetapi adalah wang simpanan daripada pekerjaan di kampung asal seperti berniaga dan dari kalangan tentera dan pulis. Dengan pengalaman yang ada pada mereka serta cenderung dalam lapangan perniagaan, Syarikat Setia Jaya Bakti ini dapat berjalan dengan licin dan teratur. Peneroka-peneroka yang menjadi ahli dan melakukan perusahaan balak ini menganggap yang kerja ini adalah sebagai pekerjaan utama dan kerja di ladang getah sebagai kerja sambilan. Kerja-kerja di ladang dikerjakan oleh isteri-isteri mereka dan juga dengan cara upahan. Oleh kerana pendapatan yang mereka perolehi adalah

tinggi iaitu antara $400.00 - $500.00 sebulan, mereka juga disegani oleh masyarakat dalam komuniti ini. Dalam menggerakkan pertubuhan sosial serta ekonomi mereka-mereka inilah yang memegang peranan yang penting terutama sebagai 'leader'. Pemilihan untuk melantik mereka sebagai pemimpin ini adalah berdasarkan kepada pengalaman, kebolehan serta tanggungjawab yang ada pada mereka.

Kejayaan Syarikat Setia Jaya Bakti ini adalah atas dasar kerjasama yang irat serta tolak ansur daripada ahli-ahlinya.

(b) Pertubuhan Sosial

(a) Persatuan Belia

Persatuan Belia yang terdapat di RKT Ijok ini mempunyai ahli seramai 70 orang. Ahli-ahli persatuan ini dikenakan yuran sebanyak 30 sen sebulan. Berbagai-bagai kegiatan telah dilancarkan semenjak ia ditubuhkan. Di antaranya ialah mengadakan projek gotong royong bagi membersih kawasan balai raya dan masjid. Dalam membuka kawasan projek pertanian, kaum belia juga mengambil bahagian. Dalam tahun 1969 projek penanaman mengkuang telah dijalankan oleh belia-belia ini tetapi tidak mendatangkan hasil kerana setelah pokok mengkuang itu ditanam, ditinggalkan begitu sahaja. Ini disebabkan berlaku konflik di antara ahli-ahli persatuan ini. Kurang teraturnya pentadbiran persatuan inilah yang membawa kepada timbulnya konflik di kalangan ahli-ahli. Tidak fahaman antara ahli-ahli juga ujud terutamanya apabila mesyuarat agung diadakan. Ahli-ahli jawatankuasa yang baru telah dilantik tetapi orang-orang yang dilantik tidak mempunyai kebolehan untuk menggerakkan persatuan dan di antara ahli jawatankuasa sendiri selalu timbul perbalahan. Selalunya perbalahan yang timbul ini adalah bersangkutan

University of Malaya

dengan kewangan. Dengan ini aktiviti-aktiviti persatuan tidak dapat digerakkan dengan lancar. Pada tahun 1971 sebidang tanah lagi telah diusahakan dengan tanaman kacang goreng. Projek ini mendapat kejayaan dengan keuntungan sebanyak $69.00.

Selain daripada mengadakan projek-projek pertanian persatuan belia ini juga telah mengadakan pementasan bagi mengutip derma untuk tabung persatuan belia. Mereka telah memperolehi keuntungan sebanyak $100.00. Dari wang yang terkumpul inilah persatuan ini telah menghantar wakil mereka untuk berkursus di Pertak. Dengan pergaulan dan hubungan yang terjalin antara belia-belia yang terdapat di Perak ini serta ditambah lagi dengan pelajaran yang dipelajari sudah tentulah 'idea' baru yang dibawa pulang itu dapat mengubah fikiran ahli-ahli bagi memajukan persatuan ini.

Kegiatan yang dijalankan oleh belia-belia ini adalah sebagai satu langkah untuk melatih belia-belia ini supaya bersatu dan bekerjasama dalam menjalani sesuatu kerja serta mengasah bakat pemimpin di samping mengiratkan perhubungan antara mereka.

(b) Gabungan Perkumpulan Wanita (GPW)

Gabungan perkumpulan wanita yang terdapat di tanah rancangan ini mempunyai ahli seramai 225 orang. Mereka ini terdiri dari anak-anak gadis dan isteri-isteri peneroka. Ahli-ahlinya dikenakan bayaran sebanyak 10 sen sebulan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pertubuhan ini ialah:-

(a) Mengadakan kelas memasak dan menjahit.

(b) Berlatih pencak silat.

(c) Berlatih kompang dan Hadrah.

(d) Mengadakan projek pertanian.

University of Malaya

Kelas memasak dan menjahit ini diadakan pada tiap-tiap minggu iaitu pada hari Rabu bertempat di balai raya. Jenis masakan yang diajar adalah jenis masakan yang dapat menjimatkan wang tetapi mengandungi zat. Tenaga untuk mengajar adalah dijemput dari orang yang tinggal di luar kawasan tanah rancangan ini. Di sini menunjukkan bahawa tenaga pengajar dari luar ini adalah memainkan peranan dalam memberi perubahan dan tunjuk ajar kepada kaum wanita ini. Perbelanjaan menjemput tenaga pengajar ini adalah dibiayai oleh pertubuhan itu sendiri. Dalam menjalankan percubaan sesuatu masakan itu modal adalah dipungut daripada ahli-ahli yang hadir. Selain daripada memasak mereka ini juga diajar menjahit dan diberi juga penerangan mengenai cara pemilihan zat makanan dan menjaga kebersihan rumahtangga. Mengikut setiausaha pertubuhan ini ahli-ahlinya kurang memberi sambutan andainya diajar mengenai zat makanan serta masakan yang'simple'. Mereka juga lebih tertarik dengan masakan 'cake' dan 'biscuit '.

Satu lagi masaalah yang dihadapi oleh perkumpulan ini ialah kekurangan tenaga pengajar. Perkumpulan ini dengan bantuan Lembaga telah menghantar peserta-pesertanya ke pusat Latihan Wanita Kuala Lumpur dengan tujuan apabila pulang dapat mengajar semula kepada perkumpulannya tentang perkara-perkara yang telah dipelajari tetapi peserta-peserta ini apabila pulang tidak mahu memberi sumbangan malahan menggunakan 'idea-idea' itu untuk kepentingan diri sendiri (self interest).

Selain daripada mengadakan kelas masakan dan jahitan pertubuhan GPW ini juga menjalankan aktiviti dalam projek pertanian. Dalam masa tiga bulan yang lalu ahli-ahli perkumpulan ini telah mem-

buat tikar dari daun pandan dan dijual di kawasan tanah rancangan ini. Keuntungan yang diperolehi telah dimasukkan dalam tabung GPW ini. Semasa kajian dilakukan dua ekar tanah sedang dibersihkan oleh peneroka-peneroka ini dengan cara upahan untuk ditanam dengan pokok mengkuang.

Untuk mempopularkan seni bidang Melayu pertubuhan GPW giat menjalankan latihan pencak silat, hadrah dan kompang. Walaupun pertubuhan GPW ini terdiri dari kaum wanita tetapi dalam kegiatan ini, belia lelaki juga telah diambil. Latihan hanya diadakan di waktu malam setelah kerja-kerja rumah selesai dilakukan. Seni silat, hadrah dan kompang ini selalunya dipertunjukkan dikhalayak ramai di hari kenduri kahwin. Mereka ini akan dibayar sebanyak $5.15 sen apabila mengadakan pertunjukkan itu yang bertujuan untuk memberi hiburan kepada penonton. GPW ini selain daripada mengadakan pertunjukkan di hari-hari perkahwinan yang diadakan di dalam rancangan, mereka juga dijemput oleh orang-orang yang tinggal di luar rancangan Ijok seperti, Kubu Gajah, Selama untuk menyerikan majlis kenduri kahwin yang dilangsungkan itu.

Dengan ini dapatlah dikatakan interaksi penduduk dalam kawasan rancangan dengan sekitarnya adalah terjalin dengan baik. Aktiviti yang dibentuk oleh pertubuhan ini bukan sahaja berfungsi untuk memberi hiburan kepada penduduk-penduduk setempat tetapi juga penduduk-penduduk di sekitar. Ini juga memberi peluang kepada ahli perkumpulan ini untuk mendapat publisiti yang lebih.

Daripada yang telah dibincangkan dapatlah dirumuskan bahawa di samping kaum wanita mempelajari cara menjaga rumahtangga, mereka juga dapat peluang mengeratkan ikatan mesra antara jiran tetangga.

(c) Syarikat khairat Kematian dan UMNO

Dalam tiap-tiap buah komuniti yang dirancangkan oleh Kerajaan termasuklah RKT Ijok. Peserta-pesertanya adalah terdiri daripada mereka yang datang dari tempat atau daerah yang berlainan. Oleh kerana tanah rancangan ini adalah sebuah komuniti kecil, 'face to face relationship' di kalangan peneroka-peneroka tidak dapat dielakkan. Dengan hubungan demikian peneroka dapat berkenalan dengan lebih irat dan dari kerjasama antara mereka ujudlah pertubuhan-pertubuhan yang terdapat dalam komuniti ini. Selain daripada pertubuhan GPW, serta pertubuhan seperti yang diterangkan di atas. Pertubuhan khairat kematian dan UMNO juga adalah sebuah pertubuhan yang dianjurkan oleh Lembaga.

Syarikat khairat Kematian dan UMNO ditubuhkan pada tahun 1964 dan diwajibkan ke atas semua peneroka untuk menjadi ahli. Ahli-ahli ini dikehendaki membayar sebanyak 60 sen sebulan. 50 sen untuk tabung khairat kematian dan 10 sen untuk UMNO. Tujuan ditubuhkan syarikat ini adalah untuk memberi kemudahan kepada ahli, jika terdapat anggota rumah ahli yang meninggal dunia. Jikalau yang meninggal dunia itu ibu mertua, peneroka ini akan diberi sagu hati sebanyak $30.00, anak yang berumur 12 tahun ke bawah $40.00 dan anak yang berumur 12 tahun ke atas sebanyak $60.00. Dengan sagu hati yang diberikan kepada ahli yang terlibat ini maka dapatlah mengurangkan perbelanjaan yang akan dikeluarkan oleh ahli-ahli yang berkenaan. Di hari-hari kematian ini jelas kelihatan unsur kerjasama di kalangan peneroka atau lebih tegas lagi ahli-ahli syarikat ini. Semua kerja-kerja mengendalikan pengkebumian itu akan dijalankan bersama-sama.

University of Malaya

Pertubuhan UMNO, secara berasingan tidak berjaya untuk didirikan di RKT ini kerana kurang mendapat sambutan daripada peneroka-peneroka. Untuk mendapat ahli yang ramai, pertubuhan yang menjadi ahli Syarikat ini secara langsung akan menjadi ahli UMNO. Inilah satu cara yang paling mudah untuk mendapat ahli. Menurut Setiausaha pertubuhan UMNO yang ditemui ahli-ahli UMNO RKT Ijok yang berjumlah 450 orang bagi kaum laki-laki dan 230 orang bagi kaum ibu adalah jumlah ahli yang terbesar bagi cawangan Selama.

Setakat ini aktiviti yang dijalankan oleh UMNO ini hanya dengan menghantar dua orang peserta untuk berkursus di Morib dalam bidang ekonomi rumahtangga dan syarahan perancang zat. Peserta-peserta ini telah diminta memberi ceramah mengenai kursus yang diikuti itu kepada isteri-isteri peneroka di sini. Dalam tahun 1971 yang lalu, ahli jawatankuasa UMNO ini telah merayu kepada biro pelajaran supaya mendirikan sebuah Sekolah Menengah di dalam kawasan tanah rancangan ini untuk memberi kemudahan pelajaran kepada anak-anak peserta. Pada mula-mula permintaan ini telah diluluskan. Tapak untuk sekolah itu telah disiapkan dan tender juga telah dikeluarkan, tetapi biro telah menarik kembali cadangan ini atas alasan bahawa sekolah yang akan didirikan itu hanya dapat memberi kemudahan pelajaran kepada anak-anak peneroka sahaja tetapi tidak kepada penduduk-penduduk di sekitarnya yang hidup mereka lebih susah daripada mereka yang tinggal di Rancangan Kemajuan Tanah. Dengan ini peneroka-peneroka telah menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Menengah Rendah Selama untuk pelajaran Menengah. Semenjak itu UMNO RKT ini tidak lagi menjalankan apa-apa aktiviti lagi.

University of Malaya

Sebagai kesimpulan, pertubuhan syarikat khairat kematian dan UMNO ini di samping bertujuan untuk memberi kemudahan kewangan kepada ahli-ahli yang berkenaan, pertubuhan ini juga (UMNO) dapat dijadikan sebagai 'communicator' bagi menyampaikan hasrat penduduk-penduduk RKT ini kepada pehak kerajaan.

Pada asasnya persatuan-persatuan yang ditubuhkan di RKT ini adalah berdasarkan kepentingan sosial yang bertujuan untuk menggalakkan masyarakat progresif dan untuk mengiratkan atau menyatupadukan peneroka-peneroka ini supaya pergerakan yang akan dijalankan mendapat kerjasama dari ahli-ahli yang terlibat. Tetapi dari apa yang telah dihuraikan didapati bahawa persatuan-persatuan yang ditubuhkan itu tidaklah seratus peratus berjaya mengujudkan integrasi sosial di kalangan peneroka-peneroka. Kalau diperhatikan kegiatan-kegiatan yang dilancarkan oleh persatuan belia, didapati tidak semua aktivitinya berjaya misalnya projek pertanian seperti penanaman mengkuang, begitu juga dengan Persatuan Peladang. Ini disebabkan oleh ketidak tegasan pemimpin yang dilantik dan juga timbulnya salah faham di antara ahli-ahli sendiri.

Tidak tegasnya pemimpin yang dilantik dalam menjalankan tugas dapat dilihat apabila gagalnya usaha untuk menggerakkan persatuan peladang. Tindakan yang diambil oleh pemimpin tanpa menerima kata sepakat dari ahli membawa kepada kegagalan. Oleh kerana ini peneroka-peneroka hilang kepercayaan terhadap satu-satu pertubuhan yang akan didirikan. Dengan ini persatuan ini telah gagal untuk menyatupadukan ahli-ahlinya dalam aktiviti yang dijalankan.

University of Malaya

Ahli-ahli dalam persatuan yang didirikan itu juga tidak bersefahaman antara satu sama lain dan mempunyai sifat-sifat individualistik. Misalnya dalam persatuan belia, apabila hendak memilih ahli jawatankuasa yang baru, sekumpulan ahli-ahli ini akan memilih orang yang dirasakan layak untuk memegang jawatan itu tetapi sekumpulan yang lain pula menganggap bahawa orang yang dilantik itu tidak layak. Asas kelayakan bagi memegang jawatan itu ialah, mereka yang bertanggungjawab, berpengelaman dan juga mereka yang lulus Sijil Pelajaran Malaysia ataupun mereka yang mempunyai kerja sebagai guru. Dengan ini timbul rasa tidak puas hati sehinggakan aktiviti tidak dapat dijalankan dengan lancar.

Persatuan ini juga ada menghantar ahlinya dalam menjalankan latihan tertentu tetapi apabila pulang, mereka menggunakan apa yang dipelajari itu untuk kepentingan diri sendiri, tidak untuk kepentingan kumpulan sehinggakan persatuan terpaksa mengambil tenaga pengajar dari luar. Ini dapat dilihat dalam persatuan belia dan gabungan perkumpulan perempuan.

Di sini dapat disimpulkan bahawa peranan pertubuhan ini untuk menyatupadukan masyarakat kurang memberi kesan walaupun tujuan asalnya adalah untuk bersatu bagi mengujudkan masyarakat yang progresif. Tetapi terdapat juga pertubuhan lain seperti khairat kematian dan UMNO yang semua ahli-ahli adalah bekerjasama antara satu sama lain. Dalam persatuan ini jelas terdapat integrasi sosial di kalangan peneroka-peneroka RKT ini. Kejayaan pertubuhan ini pada asasnya adalah bergantung kepada pemimpin yang dilantik untuk menguruskan persatuan juga dengan adanya kerjasama dan tolak ansur di antara ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin.

## BAB V

## HUBUNGAN SOSIAL DI KALANGAN PENEROKA RKT IJOK

Dalam bab-bab yang lepas telah dilihat bagaimana anggota-anggota masyarakat yang menyertai sebuah komuniti yang dirancangkan mengatur dan menyusun berbagai-bagai kegiatan ekonomi bagi memenuhi keperluan hidup masing-masing di mana melibatkan perubahan dalam sistem pemilikan tanah, pembentukan institusi baru yang berasaskan kepentingan bersama.

Oleh kerana peserta-peserta yang menyertai tanah rancangan ini datang dari tempat dan daerah yang berlainan maka dalam bab ini akan dibincangkan hubungan sosial yang ujud di kalangan mereka yang bukan berasaskan tali kekeluargaan dan juga hubungan peneroka dengan pehak pentadbir. Selain daripada itu akan disentuh juga tentang nilai dan sikap peneroka terhadap ekonomi, sosial dan pelajaran.

### (a) Hubungan sosial dalam kelompok blok

Peneroka-peneroka yang dipilih menyertai tanah rancangan ini tinggal di peringkat yang dikhaskan untuk mereka mengikut tarikh kemasukan mereka ke tempat ini. Tiap-tiap peringkat ini dibahagikan kepada dua blok. Apabila peneroka ini tinggal di blok yang ditetapkan untuk mereka secara langsung hubungan antara individu-individu dalam kelompok blok ini mulai ujud. Ujudnya hubungan sosial dalam blok ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor:-

(i) Peraturan-peraturan yang dibuat oleh pehak pentadbir ke atas peneroka-peneroka ini. Dalam menjalankan pekerjaan harian terutama di peringkat pengawasan pokok getah itu, peneroka-peneroka ini digalakkan bekerja secara gotong royong mengikut blok masing-masing. Untuk melicinkan lagi perjalanan kerja, seorang 'leader' perlu dilantik bagi mengawasi mereka. Dalam keadaan seperti inilah ujudnya berbualan serta hubungan sesama mereka.

(ii) Keadaan penempatan semula jadi (local enviromental features) juga menambahkan lagi irat hubungan antara peneroka dalam kelompok blok itu. Oleh kerana pokok getah mereka di kelilingi oleh hutan-hutan yang tebal yang boleh menimbulkan perasaan takut. Perasaan takut yang dirasai oleh peneroka ini menimbulkan juga kerjasama antara mereka bagi membersihkan kebun getah.

(iii) Keadaan kawasan perkampungan. Oleh kerana rumah-rumah yang didirikan di dalam kawasan perkampungan berdekatan, maka di kalangan kaum wanita yang tinggal di rumah juga ujud hubungan sosial. Hubungan ini ujud apabila mereka bertandang ke rumah jiran tetangga. Perbuatan ini timbul dengan sengaja iaitu rasa kesepian dan inginkan teman untuk berbual semasa suami mereka keluar ke kebun. Keadaan hubungan yang disengajakan ini sememangnya berlaku dalam komuniti baru seperti ini, sebagaimana terdapat di kampung

University of Malaya

Raja Uda iaitu sebuah kampung penempatan semula.[8]

Asas hubungan yang ujud di antara peneroka dalam kelompok blok ini adalah jelas dalam tiga keadaan yang disebutkan di atas tadi, walaupun mereka ini tidak mempunyai hubungan kekeluargaan. Hubungan yang ujud itu adalah 'face to face'. Dengan hubungan yang beginilah membawa kepada terjalinnya persahabatan sesama mereka, tolong menolong antara satu sama lain dan dapat berbincang perkara-perkara mengenai kepentingan bersama seperti yang ditegaskan oleh Raymond Firth.

> "They offer many types of personal satisfaction in opportunity of feeling secure amid group support".[9]

(b) <u>Hubungan antara peneroka-peneroka seluruhnya</u>

Hubungan antara sesama peneroka ini jelas kelihatan apabila ada perjumpaan dengan pehak pentadbiran bagi memberi penerangan-penerangan berkenaan dengan keadaan tanah rancangan. Di waktu seperti inilah kesempatan untuk berkenalan antara mereka terjalin, menimbulkan rasa tergulung dalam satu kumpulan yang diperintahkan oleh satu badan pentadbiran. Oleh kerana mereka mempunyai nasib yang sama, rasa kesedaran ini menolong mempercepatkan perpaduan bagi membentuk satu kumpulan yang bersefahaman ujud di kalangan mereka. Disamping berlakunya hubungan di antara peneroka sesama

---

[8] Rokiah Talib: Komuniti Baru Bandaran Kampung Raja Uda - Tisis M.A. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1969 - m.s. 127 at 127.

[9] Raymond Firth: Element of Social Organisation, Beacon Press, Boston 1966 - m.s. 123 at 123.

mereka, di hari seperti ini juga ujudnya hubungan antara peneroka dengan kakitangan pentadbir. Hubungan secara langsung dengan pehak pentadbir ini ujud terutama melalui institusi sosial yang ditubuhkan di tanah rancangan ini di mana kakitangan pentadbir ini dilantik sebagai penasihatnya umpamanya Syarikat Kerjasama Serbaguna. Selain daripada di hari-hari perjumpaan, hubungan antara peneroka-peneroka ini juga boleh berlaku di masa mereka keluar bekerja kerana mereka mengikut lorong atau jalan yang sama sewaktu ke tempat kerja.

Hasil daripada pergaulan, baik antara peneroka-peneroka ini, maka tinggilah fahaman dan semakin 'cohesive' pula perhubungan mereka. Di dalam komuniti ini ujud juga 'associational group' yang berasaskan kepentingan sosial. Misalnya terdapat beberapa perbadanan sosial yang bertujuan mengalakkan lagi pembentukan masyarakat progresif (lihat tajuk pertubuhan sosial dan ekonomi). Dalam soal-soal sosial yang lain seperti kenduri dan kalau berlaku kematian didapati peneroka ini akan berpadu dan bekerjasama bagi menjayakan majlis itu. Hampir kesemua peneroka menyertainya, tidak kira bangsa dan keturunan. Ini menambahkan lagi kemesraan di antara peneroka-peneroka. Dalam majlis kerja kahwin, gotong royong antara penduduk-penduduk ini jelas kelihatan terutama di antara peneroka-peneroka yang tinggal di dalam peringkat yang mengadakan majlis itu. Tiap-tiap individu yang tinggal di dalam peringkat itu akan menderma sebanyak $1.00 seorang kepada peneroka yang akan mengadakan kenduri itu. Semua peneroka yang tinggal dalam peringkat itu akan dijemput dan bagi peringkat lain pula jemputan hanya ditujukan kepada orang-orang tertentu sahaja, misalnya kenalan-kenalan yang rapat. Kakitangan pentadbir juga akan dijemput. Secara 'informal' ujud hubu-

University of Malaya

ngan antara pentadbir dan peneroka. Semangat tolong menolong yang timbul ini bukanlah berdasarkan kepada ikatan kekeluargaan tetapi dari jiran tetangga dan sahabat baik. Tegasnya mereka yang mempunyai 'face to face relationship' adalah merupakan golongan yang sentiasa tolong menolong. Golongan inilah yang dikatakan 'in-group'. Dalam kenduri kendara golongan yang dikatakan 'in-group' ini mula memberi pertolongan dua tiga hari sebelum kenduri itu diadakan.

Selain daripada kerja kahwin, gotong royong ini juga ujud dalam 'ritual' kematian serta kenduri kendara yang dijalankan di mesjid bagi merayakan perayaan Maulud Nabi dan pertandingan membaca Al Quraan dan berzanji. Dalam menjalankan kerja-kerja ekonomi kerja gotong-royong adalah kurang menggalakkan. Di rancangan ini menifestasi semangat gotong royong hanyalah satu 'passing phenomena' yang semakin lemah walaupun masih menjadi satu kebiasaan dalam aktiviti sosial, seperti yang dijelaskan di atas. Kerja tolong menolong dalam ekonomi hanyalah ujud antara sahabat karib atau sekali sekala dalam kumpulan kecil tertentu. Persahabatan antara sahabat karib (personal friend) ini timbul semasa peneroka-peneroka belum lagi memasuki tanah rancangan iaitu bagi mereka yang datang dari kampung yang sama. Mereka ini selalu kelihatan berkumpul bersama terutama bagi mereka yang tinggal dalam satu blok. Persahabatan seperti ini juga terjalin setelah peneroka ini memasuki tanah rancangan kerana dengan persahabatan mereka dapat berkerjasama atau tolong menolong antara satu sama lain.

Dengan ini dapatlah dirumuskan hubungan sosial yang ujud di kalangan peneroka ini adalah irat walaupun tidak berdasarkan kepada hubungan kekeluargaan. Oleh kerana mereka mempunyai kese-

daran yang mereka ini tergolong dalam satu kelompok yang ditadbirkan oleh satu badan pentadbiran maka pergaulan dan hubungan baik yang ujud antara mereka ini memberi semangat untuk berpadu serta bekerjasama dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan supaya dapat membentuk masyarakat yang progresif.

C. Nilai dan Sikap

Dalam kajian sosial, nilai adalah penting kerana apa yang dinilai penting oleh seseorang itu mendorong mereka untuk mengambil tindakan 'Eneyclopedia of Social Science' memberi definisi nilai sebagai 'conceptions of the desireable, influencing selective behaviour'.[10] Mengikut John Beattie pula nilai dikatakan sebagai

> "what people value, what they considered to be important and worth while".[11]

Sikap adalah keadaan yang tumbuh dalam diri seseorang berhubung dengan sesuatu benda. Sambutan individu terhadap sesuatu peluang atau kemudahan yang diberi padanya adalah bergantung kepada sikapnya. Mac Iver and Page mendifinisikan sikap sebagai,

> "Subjective reactions, states of consciouness within the individual human being, with relation to objects".[12]

Dalam membincangkan mengenai nilai dan sikap peneroka RKT Ijok, pembahagian boleh dibuat ke atas tiga aspek:-

---

[10] International Encyclopedia of Social Science: Vol. 16, The Mac Millan Company and the Press 1968.

[11] John Beattie: Other Culture, Routledge and Hogan Paul Ltd,, London Reprinted Edition - 1969 m.s. 73.

[12] Mac Iver and Page: Society: An Introductory Analysis, the Mac Millan London, 1965 - m.s. 24.

University of Malaya

(a) Ekonomi

(b) Sosial

(c) Pelajaran.

(a) Ekonomi

Peneroka-peneroka di kawasan tanah rancangan ini bergantung hidup kepada penghasilan getah yang mereka dapati, iaitu lebih banyak kepada ekonomi kewangan iaitu susu getah yang diperolehi adalah dijual kepada pasaran ekonomi moden. Namun begitu nilai ekonomi mereka masih belum berubah dari bentuk tradisional di mana ekonomi pertanian hanya secukup hidup, pengeluaran hanya untuk diri sendiri tanpa memerlukan lebihan dan tidak mengutamakan keumtungan. Daripada 93 peneroka yang diterima hanya 20 orang sahaja yang membuat tabungan atau yang menerima pendapatan yang cukup untuk menabung. Jumlah tabungan yang dibuat adalah di antara \$300.00 - \$1,000.00. Mereka ini adalah terdiri daripada peneroka yang melakukan kerja sambilan. Kebanyakan peneroka-peneroka ini menabung dengan cara membeli barang kemas. Alasannya selain daripada merupakan barang 'prestige', barang ini juga senang digadai apabila mereka berada dalam kesempitan wang. Cara tabungan yang mereka lakukan ini adalah merugikan kerana ia tidak memberikan apa-apa faedah kepada peneroka-peneroka.

(b) Sosial

Jikalau dipandang dari segi sosial didapati nilai sosial penduduk-penduduk RKT ini juga tidak banyak yang mengalami perubahan. Kebanyakan peneroka-peneroka ini masih mementingkan kepada soal-soal yang memberi mereka 'prestige' misalnya dalam soal membesarkan rumah serta membeli perabut-perabut rumah. Kebanyakan peneroka ini

University of Malaya

apabila mempunyai wang akan menghabiskannya dengan membesarkan rumah serta membeli perabut-perabut seperti kerusi dan almari, radio dan sebagainya. Ini menunjukkan unsur-unsur yang terdapat di kampung tradisi itu masih terbawa-bawa hingga ke sini dan sifat untuk berlumba-lumba dengan jiran tetangga masih belum boleh dipisahkan terutama di kalangan kaum wanita.

(c) Pelajaran

Dari aspek pelajaran pula didapati peneroka-peneroka di sini telah mulai sedar akan pentingnya pelajaran untuk kesenangan hidup anak-anak mereka di masa hadapan. Dari kajian yang dilakukan kebanyakan daripada peneroka-peneroka telah menghantar anak-anak mereka ke sekolah menengah, walaupun kedudukan sekolah itu adalah jauh daripada kawasan rancangan di mana mereka terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang banyak. Ada juga di antara peneroka ini yang menghantar anak mereka ke sekolah Inggeris. Seorang daripada peneroka di sini telah menghantar anaknya untuk belajar di Jerman dan dua orang peneroka mempunyai anak yang sedang belajar di Universiti Malaya. Keadaan-keadaan yang seperti itulah yang mungkin menggalakkan peneroka untuk menghantar anak mereka ke sekolah.

Jadi di sini dapatlah dilihat bahawa peneroka-peneroka sudahmempunyai kesedaran serta memandang tinggi terhadap pelajaran anak-anak.

Kalau diperhatikan tentang sikap peneroka terhadap kehidupan di tanah rancangan ini iaitu dengan menganalisa jawapan yang diberikan kepada sesuatu soalan yang dikemukakan, seperti sikap terhadap tempat baru, pendapatan yang diterima, dan tentang jumlah

hutang, kebanyakan daripada peneroka-peneroka ini berpendapat bahawa mereka lebih suka tinggal di tanah rancangan ini, kerana disamping dapat membina penghidupan baru dengan menumpukan kepada pengeluaran getah mereka juga dapat bergerak dalam lapangan lain. Peneroka-peneroka ini juga enggan pulang ke kampung asal atau bekerja di tempat lain jika diberi peluang. Ini disebabkan kesempatan untuk mendapat tanah seluas 9¼ ekar tidak mungkin akan diperolehi semula andainya mereka meninggalkan tempat ini. Dengan ini dapatlah dikatakan yang peneroka ini mempunyai sikap positif terhadap kehidupan di RKT ini. Tanah yang mereka perolehi itu menggalakkan mereka untuk maju kehadapan.

Kalau ditinjau pula mengenai pendapatan yang diperolehi oleh peneroka-peneroka ini, kebanyakan daripada mereka ini terutamanya semasa di kampung dahulu bekerja sebagai nelayan, pesawah padi, kerja kampung, penoreh getah mendapati pendapatan yang mereka perolehi sekarang adalah melebihi pendapatan di kampung dahulu. Walaupun pendapatan yang mereka perolehi itu adalah melebihi daripada pendapatan di kampung dahulu tetapi peneroka ini tetap mempunyai sikap untuk mendapat pendapatan yang lebih daripada yang diperolehi itu. Ini menyebabkan berlakunya penyelewengan atau melanggar peraturan Lembaga, umpamanya terdapat perbuatan membekukan getah dan menjual di luar tanah rancangan. Ini menunjukkan bahawa peneroka-peneroka ini mempunyai sikap tidak berpuas hati dengan pendapatan yang mereka perolehi itu walaupun mereka mengakui pendapatan yang diperolehi itu adalah lebih dari di kampung dahulu tetapi 'expectation' untuk mendapat pendapatan yang lebih lagi adalah tinggi.

University of Malaya

Kalau dilihat sikap terhadap hutang pula, kebanyakan peneroka-peneroka ini tidak sedar atau tidak mengetahui jumlah hutang mereka kepada Lembaga. Mereka cuma mengetahui pendapatan yang diperolehi pada tiap-tiap bulan itu mesti dipotong untuk menjelaskan hutang mereka kepada Lembaga. Dengan ini didapati bahawa peneroka ini menganggap hutang itu sebagai perkara kecil sahaja.

University of Malaya

## BAB VI

## RUMUSAN DAN PENUTUP

Kajian yang dilakukan ini adalah sebagai contoh perubahan berancang iaitu perubahan yang timbul dari perbuatan yang disengajakan dan penuh kesedaran. Dalam soal ini dua pehak telah terlibat iaitu pehak penganjur dan pehak yang dianjur. Perubahan berancang ini adalah perubahan yang didorong oleh hasrat untuk memajukan masyarakat dan negara supaya setanding dengan negara yang lebih maju dan ianya timbul dari keinginan masyarakat untuk berubah secara sedar. Dalam Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan ini matalamat yang dituju ialah bahawa masyarakat yang diujudkan akan menjadi golongan petani yang moden serta maju dalam lapangan ekonomi dan sosial.

Peneroka-peneroka yang tinggal di Rancangan Kemajuan Tanah Ijok ini adalah terdiri daripada mereka yang datang daripada daerah-daerah di Negeri Perak dan tidak mempunyai tanah di kampung asal. Tujuan mereka memasuki tanah rancangan ini adalah untuk mendapat tanah serta mengubah hidup mereka yang selalu terdesak di masa di kampung dahulu.

Mereka yang tinggal di Rancangan Kemajuan Tanah ini mengeluarkan getah sebagai hasil pengeluaran utama disamping mengerjakan pekerjaan sambilan. Dari pola-pola pekerjaan yang dilakukan oleh peneroka-peneroka ini terdapat satu susunan dan peraturan yang sistematik. Mereka ini mengalami dua peringkat hidup.



University of Malaya

(a) Peringkat 'maintainance' di masa peneroka dibayar bantuan sara hidup sebagai ganjaran untuk mereka menjaga dan mengawasi pokok getah.

(b) Di peringkat menghasilkan susu getah di lot tanah masing-masing. Pada peringkat inilah peneroka-peneroka mula menjelaskan hutang-hutang mereka kepada pehak Lembaga di mana mereka diberi tempoh selama 15 tahun untuk menjelaskan kesemua hutang-hutang itu.

Kalau diperhatikan pula dari segi pekerjaan ini terdapat perbezaan antara pola pekerjaan yang dijalankan di Rancangan Kemajuan Tanah dengan di kampung asal. Di Rancangan Kemajuan Tanah peneroka-peneroka dilatih bekerja mengikut jadual tertentu serta digalakkan melakukan kerja-kerja sambilan. Keadaan seperti ini tidak terdapat di kampung asal. Di Rancangan Kemajuan Tanah kebersihan adalah dipentingkan terutama di ladang getah dan di sekitar rumah. Di kampung kebersihan tidak dipentingkan; kerana ianya bergantung kepada individu sendiri. Oleh kerana rancangan LKTP adalah projek jangka panjang, peneroka semasa menoreh hendaklah melakukan perkara-perkara seperti mengamalkan penjimatan kulit, menoreh pokok getah hanya sekali dalam 48 jam. Pokok-pokok yang kelihatan tidak subur hendaklah dibajai selalu. Peneroka-peneroka ini menganggap perkara itu adalah kecil, tetapi sebenarnya perkara itu adalah menjadi ciri yang lazim dalam satu-satu kawasan perubahan berancang untuk membimbing peneroka atau anggota-anggotanya kepada matalamat yang dituju seperti kata John W. Bennet.

> "Planned change can be defined as a phase of the development of persuasive institutions, social entities based on a ~~consci~~ consciously held idea or ideal and devoted to serving a particular end or purpose in co-ordination with other institutions .....[13]

Dari segi pasaran, peneroka menjual susu getah kepada Lembaga dan Lembaga akan menjualkannya kepada pemborong-pemborong tertentu. Disamping itu peneroka-peneroka yang menghasilkan hasil sampingan, menggunakan kedai-kedai di Rancangan Kemajuan Tanah sebagai pusat pasaran mereka. Kalau ditinjau dari segi tingkat pendapatan yang diperolehi, didapati peneroka ini menerima pendapatan yang rendah, simpanan dan tabungan tidak dapat dilakukan oleh peneroka kecuali bagi mereka yang melakukan kerja sambilan. Ini menunjukkan bahawa peneroka ini tidak dapat memenuhi matalamat Lembaga ya yang mengharapkan peneroka menerima hasil pendapatan di antara $300.00 - $600.00 sebulan. Pendapatan yang diterima ini selain daripada digunakan untuk perbelanjaan terpaksa juga digunakan untuk membayar hutang kepada Lembaga. Dalam soal ini peneroka diberi tempoh selama 15 tahun untuk menjelaskan hutang-hutang mereka. Oleh kerana pendapatan adalah rendah dan dengan adanya perbuatan menjual getah beku ke luar rancangan di kalangan peneroka membawa kepada pengecilan potongan hutang pada tiap-tiap bulan. Dengan ini sudah tentu mengambil masa yang panjang bagi menyelesaikan hutang-hutang ini.

---

[13] John W. Bennet: Planned Change in Perspective dalam _Human Organization_, Vol. 18, No. 1 - m.s. 2.

University of Malaya

Lembaga juga berharap hasil dari pendapatan yang diperolehi itu dapat disimpan untuk tanaman semula pokok-pokok getah tetapi disebabkan perbelanjaan yang meningkat dan tanggungan yang lebih ramai soal simpanan sukar dibuat. Jadi dengan keadaan seperti ini mungkinkah peneroka memerlukan pinjaman sekali lagi? Perkara seperti inilah yang sering dipersoalkan oleh masyarakat. Ada yang mengatakan taraf ekonomi akan terus baik dan ada yang mengatakan peneroka-peneroka ini akan terus hidup dalam hutang. Rudolph Wikkamatileka misalnya mengatakan:

> "In socio-political context within which current land development projects are undertaken and interpreted by the local people poor husbandary and injudicious tapping, there is possibility that many debts will remain bad ones and that small debts will linger on".[14]

Keadaan seperti yang disebutkan itu mungkin wujud disebabkan oleh kurangnya kompromi dan koordinasi di kalangan peneroka-peneroka serta terdapatnya unsur-unsur tradisi yang jadi penghalang kepada aspirasi ekonomi di rancangan ini. Dalam konteks yang dikaji dapat disebutkan beberapa perkara yang berpengaruh seperti sistem nilai tradisi yang masih menebal. Peneroka masih mementingkan barang-barang yang memberi 'prestige'. Tabungan hanya dibuat dalam bentuk barang kemas yang tidak mendatangkan sebarang faedah, kalau dipandang dari kacamata ekonomi. Kedua, tidak terdapatnya 'organisational consciousness' dan kelonggaran disiplin amat ketara dalam aktiviti ekonomi di mana peneroka tidak dapat menyemarakkan perasaan 'group consciousness'. Sebahagian besar daripada peneroka adalah 'illiterate' atau hanya berpelajaran rendah. Oleh kerana kurangnya

---

[14] Rudolph Wikkamatileka: A Study of Planned Settlement in the Eastern Marchland of Malay dalam Economic Geography, Vol. 38, 1962. m.s. 345

ilmu pengetahuan menyebabkan peneroka-peneroka ini terus kekal dengan sifat tradisi dan kekolotan fikiran dan menentang sesuatu perubahan yang baru.

Kalau ditinjau dari aspek sosial pula, anggota-anggota Rancangan Kemajuan Tanah ini merupakan satu masyarakat yang sedang mengalami perubahan hidup. Walaupun mereka mempunyai sifat-sifat yang berbeza di antara satu sama lain iaitu dari aspek latarbelakang dan keturunan serta tidak mempunyai hubungan kekeluargaan tetapi di kalangan mereka ini tetap ujud "espirit de corp". Ini mudah sekali timbul kerana perpindahan beramai-ramai ke tempat yang baru pada ketika yang sama menyebabkan mereka merasai senasib, setaraf dan sehaluan. Dengan ini ujudlah ikatan hubungan yang baru di antara mereka, menggantikan hubungan kekeluargaan di kampung asal. Kemudahan-kemudahan asas yang disediakan oleh pehak penganjur ini secara langsung menggalakkan pembentukan badan-badan sosial dan ekonomi di mana mempercepatkan lagi hubungan sesama mereka. Jadi dalam perubahan berancang ini perubahan adalah meliputi sistem pemilikan tanah, corak "solidarity" dan amnya tentang hubungan sosial yang bercorak baru seperti yang ditegaskan oleh John Beattie:

> "For social change cannot be adequately understood merely as a kind of borrowing or reshuffling of culture traits ........ What we have presented within situations of social change is something new 'a process of re-organisation on entirely new specific lines' in Malinowski words ........ The innovations may also modify the fine existing institutions and radically affect the complex net work of relationship between them".[15]

---

[15]John Beattie: Other Cultures Aims, Methods, Achievements in Social Anthropology, Butler and Tenner Ltd., London 1967 - m.s. 243.
Muka surat 243.

Memandang dari rumusan yang dihuraikan itu serta keadaan yang terdapat sekarang apa yang dapat dikatakan bahawa anggota-anggota tanah rancangan ini tidaklah seratus peratus mencapai tujuan penempatan iaitu "untuk mendirikan kumpulan kaum tani yang mewah, makmur dan mempunyai tanah kebun yang dapat menanggung sara hidup mereka". Tetapi besar kemungkinan mereka ini akan menjadi betul-betul 'cohesive' serta sepakat dan harus menjadi petani yang mahir dan taraf hidup mereka mungkin bertambah baik andainya penyeliaan dan pimpinan oleh pehak pengurusan itu adalah lebih rapi lagi.

Pada pendapat saya untuk memajukan lagi peneroka-peneroka ini, Lembaga patutlah bersikap lebih tegas lagi dalam beberapa perkara tertentu. Misalnya pada masa sekarang ini satu masaalah yang besar dihadapi dalam usaha untuk membawa perubahan kepada peneroka ialah perlunya disingkir atau didenda peneroka yang melanggar tatatertib Lembaga. Dalam hal ini LKTP masih memerlukan bidang kuasa yang lebih luas. Lembaga perlu mengadakan undang-undang berkanun untuk menghukum peneroka yang melakukan penyelewengan (deviance) seperti menjual getah di luar rancangan.

Selain daripada itu peneroka-peneroka perlu dibela dalam pasaran getah. Lembaga patut mengendalikan atau mendirikan kilang-kilang memproses getah di tiap-tiap rancangan tanah yang dikelolakan oleh pehak LKTP untuk dipasarkan terus ke luar negeri. Langkah ini mungkin dapat mengelakkan pehak pembeli mendapat keuntungan yang lebih. Sistem potongan hutang yang berat seperti yang dilakukan perlu disemak semula. Dalam soal ini didapati bahawa semakin bertambah pendapatan yang diperolehi semakin banyak pula potongan

yang dibuat. Ini menghalang peneroka membuat simpanan terutama bagi mereka yang mempunyai tanggungan yang ramai.

Oleh kerana peneroka-peneroka ini ditadbirkan oleh kakitangan LKTP., jadi LKTP perlu mempunyai pegawai-pegawai yang betul dinamis, 'dedicated' bagi mengujudkan satu masyarakat yang 'integrated' dan 'harmonious' di mana pegawai-pegawai ini tidak dianggap sebagai orang luar yang memberi arahan tetapi sebagai ketua untuk memimpin.

Dengan ini jelaslah kepada kita bahawa usaha-usaha Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dalam pembangunan masyarakat adalah besar tetapi merumitkan juga. Perubahan berancang adalah melibatkan kedua-dua pehak. Di satu pehak kita memerlukan bukan sahaja pimpinan yang berkelayakan tetapi mempunyai jiwa dan semangat yang wajar dan di satu pehak lain kita memerlukan peneroka-peneroka yang benar-benar bertanggungjawab dan berdisiplin.

University of Malaya

PETA I: TABURAN KAWASAN-KAWASAN LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN DALAM PERSEKUTUAN TANAH MELAYU.




University of Malaya

RKT. IJOK DAN LAIN-LAIN

PETA 2 KEDUDUKAN KAWASAN RANCANGAN KEMAJUAN TANAH DI PERAK.




SEKIL - 1 INCI = 16 BATU.

University of Malaya

PERINGKAT – PERINGKAT
PETA: KAWASAN RANCANGAN
TANAH IJOK (PERAK)




University of Malaya

## B I B L I O G R A F I


1. Beattie J., Other Cultures, Aims, Methods, Achievements in Social Anthropology, Routledge and Kegan Paul Ltd., London 1967.
2. Bennett H.W., Planned Change in Perspective dalam Human Organization, Vol. 18, No. 1: Journal of the Society for Applied Anthropology, Cornell University, Ithaca, New York.
3. Firth, Raymond, Element of Social Organization, Boston (USA). Beacon Press, 1966.
4. International Encyclopedia of Social Science, Vol. 16. The MacMillan Company and the Press 1968.
5. MacIver, R.M. and C,H. Page, Society, An Introductory Analysis, London MacMillan, 1965.
6. Rokiah Talib, Komuniti Baru Bandaran Kampung Raja Uda, Tisis M.A., Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1969.
7. Rudolph Wikkamatileke, A Study of Planned Settlement in the Eastern Marchlands of Malaya, dalam Economic Geography, Vol. 38, 1962.
8. Swift M.G., Economic Concentrations and the Malay Peasant Society dalam Freedman M(ed) Social Organization, Frank Case and Co. London.


University of Malaya

9. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Penyata dan Kira-Kira Tahunan bagi Tempoh Julai 1961 - Jun 1962.

10. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, (a) Lapuran Tahunan 1966

(b) Lapuran Tahunan 1967

(c) Lapuran Tahunan 1969

(d) Lapuran Tahunan 1970.

University of Malaya